**Tambah CCTV** MS3




**Gelaran 'Sang Juara' kembali** MS10



**Maklum balas bajet MPPP** MS 24

PERCUMA

buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA




16 – 30, JUN 2013

http:www.facebook.com/buletinmutiara

# Tubuh suruhanjaya dua bencana



KESAN dipercayai keretakan yang dikenalpasti pihak MPPP pada Bangunan UMNO.

(Dalam bulatan) BAHAGIAN rod penebat kilat Menara UMNO yang runtuh dalam kejadian 13 Jun lalu di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI, WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Satu suruhanjaya siasatan ditubuhkan peringkat negeri bagi menyiasat insiden runtuhan rod penebat kilat dari bumbung Menara UMNO Pulau Pinang serta runtuhan konkrit Jambatan Kedua Pulau Pinang yang meragut dua jiwa di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Suruhanjaya ditubuhkan di bawah Seksyen 2 Akta Suruhanjaya Siasatan, 1950, bagi menyiasat punca runtuhan.

Selain itu, katanya, suruhanjaya terbabit ditubuhkan bagi menyemak sama ada kelulusan diperoleh daripada jabatan berkaitan seperti pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pengecualian yang diberikan, jika ada.

"(Penubuhan suruhanjaya itu diharap) dapat 'menghukum' pihak terlibat dan yang bertanggungjawab mengenai kejadian ini serta bagaimana untuk membendung kejadian sama dari berulang," ujarnya pada sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih itu berkata, inisiatif itu tidak akan mengganggu siasatan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

Terdahulu, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan memberi masa selama tujuh hari bermula 18 Jun lepas untuk pihak berwajib mengemukakan laporan terperinci mengenai runtuhan di Menara UMNO Pulau Pinang dekat Jalan Macalister di sini.

Beliau mendakwa, "sepatutnya konkrit itu stabil dan tidak runtuh," selepas diberitahu mengenai insiden runtuhan tersebut berlaku pada 13 Jun lepas, kira-kira jam 6.30 petang.

Bangkai runtuhan yang dikenalpasti adalah konkrit bahagian atas bumbung menara sepanjang 58 meter, termasuk 28 meter tiang penebat kilat.

MPPP, sehari kemudian mengeluarkan notis di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan, 1976 kepada empunya bangunan, iaitu Tetuan JKP Sdn. Bhd..

Arkitek menara itu, T.R.Hamzah & Yeang Sdn. Bhd. dan jurutera perunding, Tahir Wong Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab ke atas bangunan menara itu turut menerima notis MPPP berkenaan.

Guan Eng berkata, MPPP pada 10 Mei 2011 pernah menghantar surat kepada Tetuan JKP Sdn. Bhd. untuk mendapatkan laporan pemeriksaaan kestabilan dan keselamatan bangunan tersebut, tetapi gagal disediakan oleh pihak berwajib itu.



SEBAHAGIAN rod penebat kilat yang runtuh.

Katanya, permintaan MPPP berdasarkan Seksyen 85(A) Akta Jalan, Parit & Bangunan, 1974 sebenarnya wajar disegera oleh empunya bangunan.

"Pihak berkenaan mengemukakan rayuan untuk meminta tempoh masa melantik Jurutera Perunding dalam menyediakan laporan, tetapi, setakat ini masih tiada laporan dikemukakan kepada MPPP.

"Insiden ragut dua nyawa, MPPP syaki ada kelemahan dan pengabaian," ujar beliau.

Dalam perkembangan terbaru, Pengarah Bangunan MPPP, Ar. Yew Tung Seang berkata, pihaknya telah mengeluarkan satu lagi surat peringatan kepada Arkitek T.R Hamzah & Yeang Sdn. Bhd. sebagai arahan supaya menyediakan laporan yang lengkap dan terperinci dalam tempoh tujuh hari dari tarikh 24 Jun 2013.

"Walau bagaimanapun, pihak arkitek tersebut memohon untuk pelanjutan tarikh sehingga dua minggu atau 14 hari dari tarikh surat dikeluarkan MPPP.

"Kita (MPPP) memohon satu laporan yang menerangkan kejadian berkenaan selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, Seksyen 258," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, pihak JKP Sdn. Bhd. bersama Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) turut diminta menyediakan laporan berasingan berkaitan keselamatan dan kestabilan bangunan dalam tempoh 30 hari bermula dari tarikh surat pada 18 Jun lalu.

Jelas Tung Seang, terdahulu JKP telahpun menghantar laporan langkah keselamatan yang diambil dan pembaikan bangunan berkenaan setelah dirujuk kepada DOSH.

"Walau bagaimanapun, setelah lawatan tapak (oleh MPPP) pada 21 Jun lalu, kami mendapati dinding luaran bangunan yang terserpih dan hampir tertanggal masih berada di struktur bahagian atas bangunan berkenaan dan telah meminta JKP untuk segera mengambil tindakan," tegasnya.

Pada 24 Jun lalu, pihak JKP telahpun membaiki dinding luaran bangunan berkenaan dan kini pihak MPPP masih menunggu laporan terperinci daripada JKP Sdn. Bhd.

Mendiang Lim Chin Aik, 44, meninggal selepas dihempap serpihan runtuhan rod penebat kilat dari menara tersebut pada 13 Jun lepas.

Manakala, Allahyarham Tajudin Zainal Abidin, 45, meninggal ditimpa tanjakan konkrit Jambatan Kedua Pulau Pinang pada 6 Jun lepas.

# Waris mangsa ribut terima sumbangan



MOHD. Rashid Hasnon (lima dari kanan) menyerahkan sumbangan ehsan kepada Lee Chai Song (enam dari kiri) dalam satu majlis khas sambil diperhati Ketua Menteri dan barisan Exco Kerajaan Negeri lain di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Sumbangan ehsan berjumlah RM19,000 diserahkan kepada waris atas kematian Lim Chin Aik dalam insiden runtuhan rod penebat kilat dari bumbung bangunan Menara UMNO Pulau Pinang dekat Jalan Macalister di sini baru-baru ini.

Itu termasuk sumbangan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berjumlah RM3,000 dan RM2,000 daripada Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon.

Kesemua sumbangan, termasuk daripada Ahli Dewan Undangan (ADUN) Pakatan Rakyat (PR) itu diserah kepada balu mangsa, Lee Chai Song, 48.

Abang mendiang, Tian Chor, 73, dan Ang Kim Looi, 70, serta anak-anak, Chia Yiang, 20, Chia Oon, 18, and Huey Jiun, 13 turut hadir pada majlis tersebut.

Dalam perkembangan sama, satu keluarga lain menerima sumbangan ehsan berjumlah RM13,000 atas kematian Wong Tze Chow dalam insiden ribut (hari sama runtuhan rod penebat kilat Menara UMNO) di Empangan Air Itam, di sini baru-baru ini.

Guan Eng menyerahkan sumbangan ehsan RM3,000, manakala, RM10,000 lagi diserah oleh Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Ir. Jaseni Maidinsa.

Bercakap pada satu sidang media, Guan Eng berkata, beliau sangat terkejut atas kejadian itu.

"Kami (Kerajaan Negeri) cukup terkejut dengan apa yang telah berlaku," ujarnya sambil mera kamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang dan beberapa kes kehilangan jiwa lain di negeri itu.

Difahamkan, pada hari kejadian, satu kehilangan jiwa lain turut berlaku ekoran runtuhan rod penebat kilat dari bumbung bangunan Menara UMNO Pulau Pinang dekat Jalan Macalister di sini.

Sumbangan diterima oleh isteri Tze Chong, Phang Bee Fung, 30.

Ayah mendiang, Wong Ah Kooi, 63, Mah Yok Mei, 65, (ibu) dan adik, Wong Yee Ling (30) turut hadir pada majlis itu.

Hadir bersama, ADUN Air Itam, Wong Hon Wai.



KETUA Menteri bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri melawat tapak bencana di Jalan Macalister.

## MPPP kesan retakan pada Menara UMNO

**Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Hasil siasatan lanjut Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mendapati bahawa terdapat keretakan pada Bangunan Menara UMNO selebar kira-kira 15 sentimeter (cm) dan 45cm panjang yang dikhuatiri bakal mengundang bahaya kepada orang awam dan penghuni di kawasan sekitar Jalan Macalister di sini.

Ekoran itu, MPPP kini dalam proses penilaian sama ada akan menutup operasi bangunan berkenaan ataupun sebaliknya.

Siasatan dan pemeriksaan MPPP adalah ekoran kejadian penebat kilat menara berkenaan yang runtuh dalam kejadian ribut bertarikh 13 Jun lalu sehingga mengakibatkan kemalangan jiwa.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada satu sidang media ringkas berkata, jika pihak MPPP mendapati bangunan tersebut tidak selamat, Kerajaan Negeri akan mengarahkannya ditutup sehingga proses membaik pulih segala kerosakan dilakukan.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu insiden sama berulang. Tak kisah sama ada keretakan dialami adalah kesan retakan baru ataupun lama, yang pastinya jika ia tidak selamat, kita akan arahkan ia ditutup sehingga pemilik bangunan berkenaan membaiki kerosakan pada kadar segera.

"Walaupun, difahamkan pemiliknya telah memasang jaring bagi menghalang serpihan konkrit daripada jatuh, ia masih tidak mencukupi untuk menjamin keselamatan semua orang. Keretakan yang ada adalah serius dan merbahaya," tegasnya di Komtar baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Bangunan MPPP, Ar. Yew Tung Seang dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Dalam pada itu, Guan Eng turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri masih belum memperoleh sebarang laporan terperinci berkenaan insiden tersebut daripada pemilik bangunan walaupun tempoh tujuh hari yang diberikan telah tamat.

Dalam pada itu, menurut Tung Seang, MPPP telah mengeluarkan arahan kepada pemilik bangunan, JKP Sdn. Bhd. berhubung isu keretakan tersebut.

"Mereka (JKP Sdn. Bhd.) diberi masa untuk menyelesaikan masalah tersebut secepat mungkin dalam tempoh telah ditetapkan atau bakal berdepan tindakan drastik daripada MPPP," ujar beliau.



JALAN Macalister yang telah diturap semula.

## Terima kasih buat IEM

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menzahirkan ucapan terima kasih kepada Institusi Jurutera Malaysia (IEM) yang membantu terutama dalam aspek teknikal ketika berhadapan dengan dua krisis bencana di sini baru-baru ini.

"Kesungguhan IEM amat dihargai kerana membantu terutama dalam aspek teknikal ketika Kerajaan Negeri berhadapan dengan krisis runtuhan, iaitu pada 6 Jun (runtuhan tanjakan Jambatan Kedua Pulau Pinang) dan 13 Jun (runtuhan penebat kilat di Jalan Macalister) lalu.

"Sumbangan IEM membantu ketika krisis-krisis ini harus dipuji," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Sejumlah 12 jurutera IEM hadir dalam kunjungan hormat berkenaan.

Menurut Guan Eng, terdapat 30,000 jurutera di negeri ini dan Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan jurutera pada masa hadapan.

"Langkah awal adalah kita cuba menarik perhatian universiti kejuruteraan luar negara untuk membina cawangan di Pulau Pinang.

"Jurutera akan mencari penyelesaian terhadap sesuatu 'masalah' dan bukannya mencipta 'masalah' dalam kehidupan seharian mereka," ungkap beliau.

Dalam pada itu, pada sidang media sama, Guan Eng turut mengumumkan kesanggupan Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo untuk membantu keluarga mangsa, mendiang Lim Aik Chin, yang maut dalam tragedi runtuhan penebat kilat di Jalan Macalister, baru-baru ini.

Guan Eng berkata, Gobind akan memberi khidmat guaman kepada keluarga mangsa yang sehingga kini masih gagal memperoleh sijil kematian mendiang Aik Chin.



PASUKAN Bomba dan Penyelamat bertungkus-lumus dalam operasi menyelamat.

# Keluarga mangsa runtuhan tanjakan konkrit masih terkejut

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** "Mulanya memang saya tak percaya mayat yang dilihat dalam runtuhan itu ialah abang saya kerana keadaannya (mayat) teruk dan menyayat hati," kata Laldin Zainal Abidin, 39, adik kepada mangsa tragedi runtuhan tanjakan konkrit dan besi penyambung susur keluar Jambatan Kedua Pulau Pinang pada 6 Jun lalu.

Laldin yang juga merupakan adik bongsu daripada tiga beradik berkata, ketika pengecaman mayat, hatinya berdebar-debar dan luluh apabila mendapat tahu mayat tersebut adalah abangnya.

"Saya memang tak sangka dan tiba-tiba terus pengsan apabila melihat kad pengenalan abang saya.

"Namun, saya reda pemergiannya," kata Laldin ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Sumbangan Ehsan Oleh Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Dalam kejadian 6 Jun lalu, Allahyarham Tajudin Zainal Abidin, 45, ditemui maut dalam tragedi runtuhan tanjakan konkrit Jambatan Kedua Pulau Pinang pada 6 Jun lalu di sini.

Projek yang bernilai RM152 juta kemudiannya diarahkan berhenti serta-merta bagi memastikan keselamatan keseluruhan struktur jambatan sepanjang 24 kilometer itu.



LALDIN Zainal Abidin (berkerusi roda) dan Khairudin Zainal Abidin (berkemeja merah) ditenangkan Ketua Menteri pada Majlis Penyampaian Sumbangan Ehsan di sini baru-baru ini.

Hadir sama menemani Laldin ialah abangnya, Khairudin Zainal Abidin, 44, kedua-dua isteri mangsa, Shara Ismail, 45, dan Shariffah Ramli, 40, serta anak-anak Allahyarham, Nur Izzaty Syahirah, 12, Nur Aina Syazwani, 11, Nur Izzaty Syafiqah, 8 dan Nur Ain Maisara, 7.

Dalam pada itu, menurut Khairudin, keluarganya masih dalam keadaan terkejut dan bersedih dengan tragedi yang menimpa Allahyarham Tajudin.

"Buat masa ini, kami masih bersedih dan perlu waktu untuk tenang sebelum berbincang apa yang ingin dilakukan kelak.

"Lagipun, anak-anak Allahyarham masih kecil dan mereka kini putus punca pencarian," katanya.

Mengulas lanjut, Khairudin menyatakan beliau berasa sebak apabila diberitahu pasukan penyelamat bahawa mereka menemui bungkusan makanan yang dipercayai dibeli Allahyarham untuk anak-anaknya.

Susulan itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut menzahirkan ucapan takziah dan menyampaikan sumbangan RM5,000 kepada isteri-isteri mangsa.

## Naiktaraf pasar ambil kira pandangan peniaga

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**Nibong Tebal –** Istimewanya, Pasar Awam Taman Berjaya yang siap dinaiktaraf membabitkan kos RM1.468 juta adalah lebih praktikal dan lengkap dengan kemudahan asas berdasarkan perbincangan dengan para peniaga pada peringkat awal.



SUASANA lebih selesa di Pasar Awam Taman Berjaya selepas siap dinaiktaraf di sini baru-baru ini.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, berbanding kerja-kerja penaiktarafan pasar-pasar lain, proses di sini adalah amat mencabar bagi MPSP kerana para peniaga tidak dipindah keluar semasa pelaksanaan kerja-kerja dijalankan.

"Semua peniaga tidak bersetuju untuk dipindahkan. Kerja-kerja naiktaraf dijalankan pada sebelah petang atau malam.

"Akhirnya, hasil kerjasama daripada Ahli Majlis MPSP, Loh Joo Huat dan Teoh Seang Hooi serta para peniaga, maka kerja-kerja naiktaraf dapat disiapkan," kata Maimunah pada Majlis Perasmian Pasar Awam Taman Berjaya di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut adalah Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut hadir, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman; Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi), Lim Hock Seng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud.

Tambah Maimunah, beliau memohon kerjasama semua pihak supaya menjaga kebersihan pasar dan kompleks makanan dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang bersih khususnya di Seberang Perai.

Dalam pada itu, Guan Eng dalam ucapannya menyatakan bahawa usaha penaiktarafan tersebut adalah membabitkan kerja mengecat keseluruhan kompleks pasar, bumbung, membina *awning* baru, pendawaian semula elektrik, pemasangan lampu baru, pemasangan meter elektrik individu, pemasangan *tiles,* menaiktaraf sistem longkang, pembinaan sistem *grease trap*, pembinaan tandas baru masing-masing tiga ruang untuk lelaki serta perempuan dan satu ruang untuk kegunaan golongan orang kurang upaya (OKU).

"Pasar awam tersebut kini juga menyediakan 244 unit gerai dan petak jualan dengan 40 petak jualan sayur, jualan ikan (32), jualan daging khinzir (20), jualan makanan (68), barang am (60), daging lembu (8), ayam proses (8) dan *lock up* runcit (8).

## Tambah CCTV jamin George Town selamat

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan menambah kira-kira 100 kamera litar tertutup (CCTV) menjelang akhir tahun ini demi merealisasikan George Town sebagai bandar selamat bertaraf dunia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri mengeluarkan RM1 juta peruntukan tambahan menjadikan keseluruhan peruntukan untuk memasang CCTV berjumlah RM1.4 juta.

"Kita (Kerajaan Negeri) serius dan komited untuk membanteras jenayah. Maka, kita akan memasang lebih banyak CCTV sesegera mungkin," ujarnya pada sidang media di Dewan Bandaran MPPP di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih itu berkata, Kerajaan Negeri turut akan memasang lebih banyak lampu jalan demi keselamatan rakyat di negeri berkenaan.

Sejak 2008, MPPP memasang lebih 30 CCTV di pulau, khususnya kawasan sasaran jenayah.

Dengan peruntukan tambahan terbaru itu, dianggarkan, 70 lagi CCTV akan mula beroperasi selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Februari lepas, dua CCTV lengkap dengan alat pembesar suara yang berhubung terus dari balai polis dipasang di sekitar George Town, iaitu di *Love Lane, Muntri Street* dan *Stewart Lane* bagi memberi isyarat amaran kepada suspek pesalah.

Itu, tidak termasuk kamera yang sedia dipasang sejak 20 tahun lepas di sekitar Komtar dan 'jejantas sotong' yang menghubungkan Jalan Penang, Jalan Dr. Lim Chwee Leong dan Jalan Burmah.

Idea memperbanyak CCTV dalam kawasan sasaran jenayah disegarkan semula oleh pentadbiran Guan Eng selepas insiden janda, Tan Kim Chuan, 60, meninggal dunia di tempat kejadian pada Julai tahun lepas.

Pergelutan mangsa dengan peragut yang sempat dirakam melalui CCTV sedia ada akhirnya mendorong Kerajaan Negeri menambah lagi bilangan alat keselamatan itu demi mencegah jenayah serupa daripada berulang di sini kelak.

# Sekitar Festival George Town 2013










**PERMAINAN** layang-layang yang menjadi pembuka tirai Festival George Town 2013.



**PERSEMBAHAN** menarik Malam Gala Muzik Melayu.



**KEUNIKAN** *arca Secret Garden of Earthly Delights pada waktu malam.*

# Kemeriahan HPPN & Karnival Koperasi kembali!

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kembali! Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPN) dan Karnival Koperasi Peringkat Negeri Pulau Pinang 2013 bakal berlangsung pada 3 hingga 7 Julai ini bertempat di Tapak Ekspo Seberang Jaya di sini.

Program anjuran Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Kerajaan Negeri bakal diadakan bermula pada pukul 10 pagi hingga 10 malam sepanjang tempoh berkenaan.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, penganjuran kali ini bertemakan, Pulau Pinang Ke Arah Kelestarian Organik menyasarkan kaum muda untuk sama-sama memeriahkan karnival tersebut.

"Pada penganjuran kali ini, kita menyasarkan 30,000 pengunjung terutamanya daripada golongan muda supaya mereka (golongan muda) dapat melihat dengan lebih dekat potensi sektor peladangan, penternakan dan nelayan menggunakan alternatif dan teknologi terkini.

"sebelum ini, golongan muda tidak didedahkan dengan kerjaya sebagai peladang dan penternak, tetapi sebenarnya sektor ini lebih mendatangkan banyak hasil, masa depan yang cerah dan lebih terbuka kepada dunia usahawan," ujarnya ketika mengumumkan penganjuran HPPN dan Karnival Koperasi Peringkat Negeri Pulau Pinang 2013 baru-baru ini di sini.



DR. Afif Bahardin (tengah) bersama barisan penganjur menunjukkan poster penganjuran HPPN dan Karnival Koperasi Negeri Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, semua wakil jabatan serta agensi terlibat.

Selain hampir 50 ruang pameran dan gerai jualan yang disediakan, karnival lima hari tersebut turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik antaranya, Pertandingan Hasil Pertanian, Seminar Organik, Pertandingan Memancing, Seni Suara Burung, Mewarna dan LC Motor Show.

# Isu kelayakan permohonan diperketat - Jagdeep



(DARI kiri), ONG Chin Wen, Jeff Ooi Chuan Aun, Jagdeep Singh Deo, Phee Boon Poh dan Sim Tze Tzin pada majlis sidang akhbar pengumuman penubuhan Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Perumahan di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Bagi memantau secara kritikal isu-isu berkaitan perumahan kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) di sini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Perumahan baru-baru ini.

Jawatankuasa tersebut diterajui Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Turut menganggotai, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik; Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin; Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ong Chin Wen.

Ia turut mendapat kerjasama dari Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Perumahan; Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Menurut Jagdeep, jawatankuasa tersebut bakal memberi perhatian pada isu-isu kelayakan permohonan perumahan, kelewatan permohonan perumahan dan keseluruhan proses pemilihan perumahan termasuk daripada pembeli dan kontraktor perumahan.

"Jawatankuasa akan mengambil langkah retrospektif terhadap permasalahan perumahan dan perhatian sewajarnya akan diberi agar rumah-rumah KR dan KSR di Pulau Pinang dapat diperkasakan mutunya.

"Hanya yang benar-benar layak dan menepati syarat-syarat kelayakan sahaja akan diberi surat penawaran perumahan," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, dalam laporan Ketua Audit Negera tahun 2010, sejumlah 816 pemohon yang telah berjaya memperoleh rumah telahpun memiliki rumah sebelumnya.

"Perkara ini serius memandangkan syarat kelayakan dengan jelas menyatakan bahawa hanya mereka yang mempunyai pendapatan kurang RM2,500 (KR) dan RM3,500 (KSR) sahaja layak memohon.

"Ini telah menafikan hak orang lain yang lebih layak dan lebih memerlukan," tegasnya.

Kata Jagdeep, jawatankuasa berkenaan akan menyiasat dan bakal mengambil tindakan mahkamah kepada pemohon yang dipercayai menipu serta memberi maklumat palsu.

"Apabila menerima senarai nama (816 pemohon), kita akan jejak melalui Bahagian Perumahan dan akan pastikan mereka diambil tindakan sekiranya didapati bersalah," ujarnya.

Dalam pada itu, Chuan Aun menyatakan bahawa Jawatankuasa akan meneliti setiap permohonan dan bagi pemohon yang berjaya mendapat surat tawaran, nama mereka akan disiarkan melalui terbitan akhbar Kerajaan Negeri, Buletin Mutiara dan turut dilekatkan di ruang pameran di Tingkat 3, Komtar.

"Jawatankuasa juga akan panjangkan senarai nama mereka kepada ADUN-ADUN dan wakil-wakil rakyat bagi memastikan sistem penyampaian dan mutu proses perumahan dapat dipertingkatkan," kata beliau.

## Caj air mentah Sungai Muda tidak munasabah - KM

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF & ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Cadangan Kerajaan Negeri Kedah untuk mengenakan caj bayaran sumber air mentah dari Sungai Muda ke atas Pulau Pinang adalah tidak munasabah sama sekali, tegas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu kenyataan akhbar baru-baru ini di sini.

Katanya, Kedah tidak wajar mengenakan caj air mentah ke atas Kerajaan Negeri kerana Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mengepam air mentah dari Sungai Muda yang terletak di sebelah negeri Pulau Pinang dan ia tidak melibatkan sebarang kos kepada Kedah.

Pendirian itu adalah bagi mengulas kenyataan Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid disiarkan dalam akhbar Bahasa Inggeris pada 11 Jun lalu yang menyatakan bahawa Kedah mempunyai hak mengenakan caj air ke atas Pulau Pinang.

"Kita mengambil air dari Sungai Muda menggunakan infrastruktur bekalan air kita sendiri, pada kos kita sendiri. Tiada sebarang kos dikenakan kepada mereka (Kedah).

"Oleh kerana tiada kos di sebelah Kedah, mengapa perlu ada apa-apa bayaran dikenakan kepada kita (Pulau Pinang dan PBAPP)," soal Guan Eng.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih itu berkata, proses mengepam air mentah Pulau Pinang dibuat dalam sempadan negeri itu, bukannya seperti di Johor yang dipam dari sempadan Johor-Melaka.

Ekoran itu, beliau menasihatkan Mahdzir supaya memahami Konsep Hak Riparian terlebih dahulu sebelum 'membuka mulut'.

Ini kerana, katanya, Konsep Hak Riparian memberikan hak kepada pemilik tanah atau negara untuk mengambil manfaat daripada aliran asli sumber air melalui tanah atau negara mereka.

"Dari sudut pandangan kita (Pulau Pinang), Sungai Muda merupakan sumber air mentah semulajadi bersama untuk Pulau Pinang dan Kedah. Ia adalah semulajadi geografinya yang mentakrifkan sempadan Pulau Pinang, Kedah.

"Contohnya, Sungai Mekong yang berpunca dari China mengalir melalui Laos, Vietnam, Thailand dan Kemboja. Semua negara-negara terbabit berkongsi hak untuk menggunakan Sungai Mekong. Tiada caj sumber air mentah dibabitkan kerana tiada negara boleh menuntut hak ekskusif sungai berkenaan," ujar beliau.

# Peserta Hong Kong ungguli pertandingan skuasy PBA

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



YAP Soo Huey (berdiri, empat dari kiri) dan Ir. Jaseni Maidinsa (berdiri, empat dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama para pemenang Pertandingan *Squash PBA 11th Junior Open 2013* di sini baru-baru ini.

**JELUTONG -** Pertandingan *Squash PBA 11th Junior Open 2013* yang berlangsung di Dewan Skuasy Antarabangsa Nicol David Bukit Dumbar di sini baru-baru ini memperlihatkan dominasi peserta-peserta dari Hong Kong.

Selain mengungguli kategori utama lelaki bawah 19 tahun, peserta Hong Kong turut memenangi kategori sama wanita.

Bagi kategori utama lelaki bawah 19 tahun lelaki, ia dimenangi Ma Tse Hei diikuti Mohd. Hannan Ismail (Negeri Sembilan) dan tempat Ketiga, Ko Young Jo (Korea Selatan).

Ho Ka Po menjuarai kategori bawah 19 tahun wanita diikuti Ho Tze Lok (Hong Kong) dan tempat Ketiga, Vannesa Raj (Pulau Pinang).

Menurut Tse Hei, kemenangan tersebut sememangnya begitu bermakna bagi diri beliau dan negaranya.

"Saya amat gembira kerana telah berjaya mencipta kemenangan di luar Hong Kong dan kemenangan ini akan menjadi pemangkin semangat kepada saya untuk terus berjaya dalam sukan ini," ujarnya di sini baru-baru ini.

Acara yang berlangsung selama lima hari tersebut berjaya memperoleh penyertaaan menggalakkan dari negara-negara seperti Hong Kong, India, Pakistan, Australia, Iran dan Korea Selatan.

Sebanyak 10 kategori dipertandingkan iaitu lelaki dan wanita bawah 19 tahun, bawah 17 tahun, bawah 15 tahun serta bawah 13 tahun.

Hadir menyempurnakan majlis penyampaian hadiah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey sambil diiringi Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Ir. Jaseni Maidinsa.

# Kementerian lulus 1 permohonan sahaja - Jagdeep

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** - Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) yang ditubuhkan sejak 31 Januari 2010 dengan peruntukan awal sebanyak RM37.6 juta nampaknya terus dinanti-nantikan warga Pulau Pinang, khususnya penghuni kawasan flat di sini sampai sekarang.

Inisiatif Kerajaan Negeri memperuntukkan RM50 juta di bawah Program Bantuan dan Penyelenggaraan Perumahan Pulau Pinang (HAPPY!) demi memudahkan rakyat di negeri berkenaan mendapatkan TP1M masih menemui jalan sukar.

S. Sarasvathy, 48, yang ditemui baru-baru ini mengadu bahawa tangki Blok A, Lengkok Tenggiri bocor hatta mengakibatkan air melimpah di kali lima flat serta membahayakan penghuni setempat.

"Kawasan berair dan licin. Semua lampu koridor rosak akibat litar pintas selepas tangki (air) pecah.

"Keadaan sini yang sangat teruk sampai menjadi sarang pembiakan nyamuk dan biawak...ular pernah masuk ke (dalam) rumah kerana tiada penyelenggaraan (sekitar kawasan flat)," ujarnya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini di sini.

Beliau berkata, rumah pusaka tinggalan mendiang ayah itu kini menjadi tempat berteduh beliau bersama-sama adiknya, S. Nagajothy, 35, yang kini mengidap penyakit buah pinggang tahap kronik.

Nada yang sama turut diluah suri rumah, Fadhilah Abdullah, 33, yang menetap di tingkat 5, iaitu tingkat paling atas flat sama.

"Tangki bocor. Kalau buka (pili air tangki), mesti ditutup balik dalam masa kurang empat jam.

"Kalau tidak, air akan melimpah di bumbung (flat) dan menjerap masuk... bahaya kerana boleh runtuhkan (struktur) bangunan serta merosakkan kabel elektrik dalam rumah," jelas Fadhilah.



S.Sarasvathy (kiri) dan S.Nagajothy.

Wong Chew Foon, 36, Setiausaha Persatuan Penduduk Blok A2 - bersebelahan dengan Blok A1 - pula dalam perkembangan sama mengadu bahawa penduduk di flat tersebut masih belum mendapat sijil layak menduduki (OC) sejak 28 tahun lepas.

Malah, beliau mendakwa, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar langsung tidak menjawab permohonan TP1M yang dimohon oleh persatuan penduduk berkenaan sejak dua tahun lepas.

Mohd. Radzi Awang, wakil Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam reaksi spontan berkata, status bangunan itu di bawah penyelenggaraan pihak swasta, bukan pihak berkuasa tempatan (PBT) sungguhpun dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Justeru, katanya, perbadanan pengurusan (MC) seharusnya ditubuh di Blok A1 dan Blok A3 terlebih dahulu bagi proses mengutip bayaran penyelenggara daripada setiap pemilik unit rumah kos rendah berkenaan.

"Penduduk mesti tubuh MC terlebih dahulu sekiranya mereka mahu memohon TP1M.

"MC perlu kutip yuran selenggara jika mahu kawasan flat ini kembali diselenggara," nasihat beliau.



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) menunjukkan beberapa dokumen sambil diperhatikan Dr. Afif Bahardin (dua dari kiri) dan Mohd. Radzi Awang (kanan sekali) pada sesi lawatan flat Blok A1, Lengkok Tenggiri di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata, pihaknya akan memulakan interaksi dengan penduduk berwajib supaya MC boleh ditubuhkan lalu memohon peruntukan dari TP1M.

"Ini (kawasan Seberang Jaya) adalah salah satu pintu masuk ke Pulau Pinang, ertinya kawasan flat di sini menjadi sebahagian imej bagi negeri ini.

"(Justeru), kita perlu lihat ke depan, kita (Pusat Khidmat ADUN Seberang Jaya) akan membantu menubuhkan MC dan meneruskan interaksi dengan penduduk setempat ke arah itu," ujar beliau yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo pula cuba mendapatkan maklum balas pihak berwajib - termasuk MPSP dan PDC - selepas bersama-sama Dr. Afif dan Mohd. Radzi turun padang bagi menyaksikan kawasan kediaman tidak terselenggara itu.

Daripada maklum balas yang diterima, beliau berkata, sebanyak 53 MC melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telahpun memohon TP1M sejak tahun lepas.

Tambah beliau, 46 MC lain melalui MPSP turut memohon peruntukan TP1M bagi membaik pulih flat masing-masing.

Pun begitu, beliau berkata, kementerian meluluskan satu permohonan sahaja, iaitu projek membaik pulih Flat Taman Sungai Batu di Teluk Kumbar dalam kawasan DUN Bayan Lepas.

"Dari 99 permohonan yang dibuat, Kerajaan Pusat hanya lulus satu sahaja di bawah TP1M.

## Pusat Khidmat Komtar di Jalan Talipon

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Pemilihan lokasi Pusat Khidmat Komtar di Jalan Talipon di sini mempunyai nilai sentimental tersendiri kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) terbabit, Teh Lai Heng.

Katanya, pemilihan lokasi dan pusat khidmat terbabit adalah ekoran ia merupakan 'rumah' pertamanya ketika beliau menyertai dunia politik pada tahun 2001.

"Bukan mudah mencari tempat baru. Sebenarnya, pejabat sekarang banyak memberi kenangan dan sejarah tersendiri.

"Selain itu, ia juga pernah menjadi tempat dan lokasi berkumpul pemimpin-pemimpin yang berkhidmat hampir 15 tahun lepas.

"Lokasinya adalah cukup strategik berdekatan dengan semua titik pusat Dewan Undangan Negeri (DUN) Komtar," ujarnya pada Majlis Perasmian Pusat Khidmat ADUN Komtar di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon, ADUN Padang Kota, Chow Kon Yeow, ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh dan Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik.

Lai Heng merupakan ADUN baru pertama yang mengambil inisiatif membuka pusat khidmat bagi memberi perkhidmatan kepada umum.

Tambahnya, antara faktor pemilihan lain lokasi berkenaan adalah ekoran sewa berpatutan, parkir yang senang dan keadaan trafik tidak sesak.

Waktu operasi adalah dari Isnin hingga Jumaat, jam 9.30 pagi hingga 5 petang. Hari Sabtu dibuka dari jam 10 pagi hingga 1 petang; Selasa dari 8 malam hingga 9.30 malam dan tutup pada hari Ahad.




(Barisan depan, dari kiri), TEH Lai Heng, Ketua Menteri, Chow Kon Yeow dan Mohd. Rashid Hasnon ketika menyempurnakan Majlis Pelancaran Pusat Khidmat ADUN Komtar di sini baru-baru ini.

# Abdul Halim fail petisyen PRU13

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Mantan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain baru-baru ini mengemukakan petisyen Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) bagi kawasan yang beliau bertanding, iaitu DUN Teluk Bahang.

Petisyen itu difailkan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan Abdul Halim diwakili oleh S. Raveentharan yang juga merupakan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban.

"Ini (petisyen) satu lagi saluran yang sedang kita gunakan...saya sendiri telah membuat laporan polis dan aduan kepada SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) tentang salah laku pilihan raya sebelum ini.

"Dalam petisyen ini, saya telah menuntut mahkamah membatalkan keputusan pilihan raya bagi kawasan N40 Teluk Bahang," ujarnya pada majlis sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I), Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna).



ABDUL Halim Hussain.

Dalam petisyen itu, Abdul Halim mendakwa wujud keraguan, amalan rasuah serta politik wang dalam proses pilihan raya umum di kawasan DUN berkenaan pada 5 Mei lepas.

Bercakap pada sidang media sama, Raveentharan berkata, pihaknya sudah menerima kos guaman berjumlah RM10,000 daripada Abdul Halim sendiri dan baki selebihnya yang dianggar mencecah RM50,000 akan ditanggung oleh parti anak guamannya, iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Menurut beliau, tiga pihak disebut sebagai defenden dalam petisyen itu, iaitu Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah (calon Barisan Nasional bagi DUN Teluk Bahang), Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan raya Kawasan Teluk Bahang dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sendiri.

"(Plaintif) tuntut satu deklarasi untuk membatalkan keputusan BN menang berdasarkan keraguan-keraguan serta beberapa faktor lain yang akan dikemukakan semasa prosiding kelak.

"Datuk Abdul Halim secara peribadi telahpun membayar RM10,000 (kos petisyen) dan saya ada resitnya," jelas Raveentharan.

Pada 13 Mei lepas, 10 calon Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang yang tewas dalam PRU-13 dilaporkan membuat aduan penyelewengan pilihan raya di Kompleks SPRM Pulau Pinang di sini.

Mereka, Abdul Halim sendiri, Mohd. Bakhtiar Wan Chik (Parlimen Balik Pulau), Asnah Hashim (DUN Bayan Lepas), Mohd.Tuah Ismail (DUN Pulau Betong), Rosidi Hussain (DUN Penaga), Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman (DUN Pinang Tunggal), Norhayati Jaafar (DUN Teluk Air Tawar), Arshad Md. Salleh (DUN Permatang Berangan), Badrul Hisham Shaharin yang lebih dikenali sebagai che'GuBard (DUN Sungai Acheh) dan Syed Mikael Rizal Aidid (DUN Bertam).

Mohd. Bakhtiar berada dalam senarai 35 calon oposisi yang membuat petisyen peringkat Parlimen di mahkamah.

Manakala, Abdul Halim adalah antara calon PR yang membuat petisyen peringkat DUN, iaitu pada 12 Jun lepas.




**PHEE Bon Poh (tengah) bergambar bersama-sama barisan penaja acara *Relay For Life Penang 2013* di sini baru-baru ini.**

## *Relay For Life Penang 2013* kongsi mesej penting

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri tidak pernah lupa memberi sokongan kepada kumpulan-kumpulan dan individu-individu yang mempraktikkan gaya hidup sihat untuk saling berkongsi pengalaman melalui penganjuran program atau lain-lain inisiatif.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh pada majlis sidang media penganjuran program tahunan, *Relay For Life Penang 2013* di Taman Perbandaran Pulau Pinang di sini.

"Mesej pencegahan adalah sesuatu yang dekat di hati.

"Sebagai Kerajaan Negeri, sungguhpun tidak mempunyai dasar ke atas isu-isu utama seperti kesihatan dan pendidikan, namun, satu perkara yang dilakukan adalah melalui sokongan berterusan," katanya baru-baru ini.

*Relay For Life Penang 2013* merupakan acara tahunan di sini bertujuan memerangi penyakit kanser iaitu pembunuh ketiga tertinggi di dunia.

Antara organisasi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang turut serta adalah Persatuan Kanser Kebangsaan (Cawangan Pulau Pinang) dan Persatuan Hospis Pulau Pinang

Tampil sebagai penaja adalah syarikat-syarikat korporat seperti *IJM Land, Sime Darby, Star Cruises, Wawasan Open University, SLE Entertainment* dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Hadir sama, Pengerusi Persatuan Kanser Kebangsaan (Cawangan Pulau Pinang), Datuk William Ng Jit Thye.

Boon Poh memberitahu, penganjuran acara komuniti tersebut adalah bermakna apabila pihak penganjur berjaya mengumpulkan hampir beribu-ribu pengunjung dari seluruh Pulau Pinang dan kawasan sekitar demi menyampaikan satu mesej penting.

"Kanser merupakan pembunuh ketiga terbesar, ia menjejaskan beribu-ribu penduduk di Pulau Pinang. Melalui program seperti ini, satu mesej penting dapat disampaikan.

"Acara ini memberi tumpuan kepada mesej positif. Kita tidak hidup bersendirian jika disahkan menghidap kanser, sebaliknya, terdapat banyak perkara yang kita boleh lakukan untuk mencegah kanser atau mengurangkan kesannya," ujar beliau.



**KEADAAN Sungai Satu yang berjaya dipulihkan menerusi projek bio-kejuruteraan di sini baru-baru ini.**

## Projek bio-kejuruteraan pulih Sg. Satu

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TANJONG BUNGA -** Projek bio-kejuruteraan menggunakan teknologi Jerman yang memperlihatkan kerjasama syarikat korporat dan Kerajaan Negeri dalam usaha penjagaan alam sekitar membuahkan hasil apabila berjaya memulihkan tahap pencemaran Sungai Satu, Batu Feringghi di sini baru-baru ini.

Projek bernilai RM2 juta menggunakan mekanisme perangkap sampah serta mengalihkan sedikit aliran sungai ke kawasan penapisan air serta mengairi kawasan penanaman pokok berhampiran adalah membabitkan syarikat pembinaan, Selangor Dredging Berhad (SDB).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek tersebut bukan hanya merangkumi pemulihan sungai semata-mata, malahan ianya menjangkaui contoh kerjasama antara sebuah Kerajaan Negeri bersama pihak swasta dalam menjaga alam sekitar.

"Selain itu, kerjasama ini juga dilihat memberi tambah nilai kepada penduduk setempat dalam menjalani kehidupan seharian lebih berkualiti iaitu menggalakkan pertambahan habitat bagi flora serta fauna yang berada di sekeliling kawasan sungai yang bersih," katanya pada Majlis Pelancaran Pemulihan Sungai Satu di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga, Teh Yee Cheu dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Lanjutan itu, Guan Eng menyatakan bahawa teknologi yang sama mungkin akan dipelajari dan diaplikasikan ke atas Sungai Juru dan Sungai Pinang di sini.

Dalam pada itu, Pengarah Urusan SDB, Teh Lip Kim melahirkan rasa bangga ekoran dapat memulihkan kualiti Sungai Satu dan sekelilingnya dengan ketara.

"Saya melahirkan rasa berbesar hati kerana dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk memulihkan kawasan ini seperti menanam pokok, membuat teres tebing sungai, perangkap sampah dan membangunkan bangunan konsep hijau di tepi Sungai Satu," jelasnya.

# Pusat turun harga kereta palsu - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**


10 model kereta turun harga

KERATAN akhbar Utusan Malaysia 10 Jun 2013.

**GEORGE TOWN –** Akhbar perdana, Utusan Malaysia (Utusan) didakwa menyiarkan laporan palsu mengenai harga kereta import turun baru-baru ini sebagaimana dijanji dalam manifesto Barisan Nasional (BN) terus dipertikai.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pembuat kereta *Volkswagen* dan *Peugeot* telahpun menafikan turun harga kenderaan masing-masing tahun ini.

"Semoga BN yang diterajui Kerajaan (Pusat) lebih serius dalam mengambil tindakan (ke atas laporan Utusan itu)," ujarnya pada sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon, Prof. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) turut hadir.

Terdahulu, Utusan Malaysia pada 10 Jun lepas menyiarkan laporan penurunan harga 10 kereta dalam pasaran domestik sehingga 11 peratus sejak awal tahun ini, iaitu *Volkswagen, Peugeot, Honda* dan *Marques* serta kereta tempatan, Proton dan Perodua.

Itu, menurut laporan wartawan Fairus Kassim, sekaligus membuktikan Kerajaan Pusat berjaya merealisasikan manifesto BN sebagaimana diumum dalam musim Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13).

Laporan Utusan Malaysia itu kemudiannya dinafi oleh *Volkswagen* dan *Peugeot* menerusi laman rasmi facebook masing-masing.

Kedua-dua pembuat kereta antarabangsa itu menolak laporan info grafik harga kereta masing-masing yang disiar dalam penerbitan berkenaan.


Ada jenama catat penurunan hingga 11 peratus

10 model kereta turun harga

INFO grafik turun harga kereta yang disiar di muka depan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 10 Jun 2013.

"Sila ambil perhatian, harga pada gambar adalah tidak betul. Harga *Golf* sentiasa menjadi RM157, 888 sejak masa pelancaran. Bukan RM169, 888," kata seorang wakil dari Volkswagen Malaysia dipetik dari Facebook, merujuk kepada sukan *'hatchback'* model *Golf*.

"Tanpa prejudis, apa-apa yang telah dikeluarkan oleh kami, kami tidak berunding sebelum artikel itu pergi ke cetak dan tidak mempunyai hubungan dengan berita terkandung di dalamnya.

"Harga yang ditunjukkan kelihatan 308 Turbo pra-wajah dan 308 VTi yang sebenarnya dua varian berbeza dari *Peugeot 308*," kata wakil Peugeot Malaysia dipetik dari laman rasmi facebook kereta buatan Perancis itu.

## Kempen tolak Immunisasi Bayi di internet perlu cakna Pusat

**GEORGE TOWN -** Kementerian Kesihatan perlu menangani kempen menolak Program Immunisasi Bayi Kebangsaan yang dikesan kian meledak dalam laman sosial seperti Facebook dan blog belakangan ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, langkah itu penting demi kelangsungan program pencegahan sakit berjangkit dalam negara.

Beliau bagaimanapun berkata, anasir menolak program immunisasi bayi itu masih tidak dikesan berlaku di Pulau Pinang.

"Alasan penolakan antaranya keraguan pada kandungan vaksin, status halal vaksin serta jaminan tidak berlaku kesan sampingan pada penerima vaksin," ujar beliau di Komtar di sini.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari turut hadir pada sidang media itu.

Justeru, Dr. Afif berkata, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam (Menteri Kesihatan) sepatutnya cakna dengan perkembangan anasir itu dalam internet.

"Sekurang-kurangnya (Kementerian Kesihatan) beri penerangan mengenai pri penting tidak menolak program (immunisasi) ini," ujar Dr. Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Bercakap pada sidang media sama, Zairil menasihat semua pihak supaya menyaring terlebih dahulu lambakan informasi di media sosial sebelum membuat keputusan untuk menolak program immunisasi yang hakikatnya baik untuk anak-anak mereka.

Ini kerana, katanya, Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Kali Ke-24 pada 5 dan 6 Jun 1989 nyata mengharuskan pengambilan vaksin demi mencegah penyakit berjangkit seperti campak, tibi, batuk kokol, dipteria, tetanus dan polio.



DR. Afif Bahardin (kanan) bersama-sama Zairil Khir Johari menunjukkan beberapa laporan penolakan program immunisasi yang dicetak dari internet pada sidang media di sini baru-baru ini.

Fatwa itu diwartakan berbunyi, "vaksin-vaksin yang digunakan dalam imunisasi bagi penyakit-penyakit tersebut hendaklah diambil daripada bahan yang suci, sekiranya vaksin daripada bahan yang suci tidak diperoleh atau sukar diperoleh, maka penggunaan vaksin sedia ada adalah diharuskan."

Difahamkan, lebih 95 peratus bayi kelahiran negara telahpun menerima immunisasi saban tahun.

Impaknya, Malaysia mencatat rekod setaraf dengan United Kingdom, iaitu hanya 3 bayi daripada 1,000 kelahiran mati akibat penyakit-penyakit berjangkit.



RUPA bentuk Flat Taman Free School kini.

## Cat semula Flat Taman Free School

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**DATOK KERAMAT –** Setelah 15 tahun, Flat Taman Free School bakal berwajah baru apabila kerja-kerja pengecatan semula melibatkan 15 blok dimulakan di sini baru-baru ini.

Kos keseluruhan projek adalah bernilai RM760,000 yang mana 90 peratus dibiayai Kerajaan Negeri manakala selebihnya, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo.

Jagdeep berkata, sejak bangunan-bangunan tersebut siap dibina pada tahun 1981, ianya hanya pernah dicat sebanyak dua kali dan kali terakhir adalah pada 1998.

"Kerja-kerja pengecatan bakal dijalankan syarikat PDC Nusabina Sdn. Bhd..

"Ia dijangka mengambil masa tiga hingga empat bulan untuk disiapkan kerana kita juga perlu mengambil kira prospek cuaca yang tidak menentu pada akhir-akhir ini," katanya pada Majlis Perasmian Pengecatan Semula Blok-blok Flat Taman Free School di sini baru-baru ini.

# Pasar Chowrasta siap 2015

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Kerja-kerja menaiktaraf Pasar Awam Chowrasta bernilai RM12.1 juta berdasarkan ciri bangunan warisan dan indeks bangunan hijau di sini dijangka siap pada Mac 2015.

Kenyataan tersebut diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan kerja-kerja menaiktaraf baru-baru ini.

Katanya, projek tersebut berjaya dibida Syarikat Pembinaan Bertegas Makmur.

"Sememangnya, Kerajaan Negeri yang berjiwa rakyat amat peka dalam memastikan semua infrastruktur kemudahan awam dibaikpulih dan dinaiktaraf untuk memberikan keselesaan kepada peniaga dan pengunjung.

"Dalam pada itu, Kerajaan Negeri turut melaksanakan beberapa program untuk kebaikan rakyat seperti 3C (*Crime, Cleanliness, Congestion*), Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat bagi meningkatkan kualiti hidup di samping mewujudkan sebuah komuniti mampan serta inklusif yang menjurus kepada kualiti antarabangsa," katanya dalam ucaptama Majlis Perasmian Menaiktaraf Pasar Awam Chowrasta di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye.

Projek tersebut bakal mewujudkan 123 petak parkir termasuk dua petak untuk kegunaan golongan orang kurang upaya (OKU). Turut disediakan adalah 235 petak gerai bagi tingkat bawah dan tingkat satu (60).

Keutamaan akan diberikan kepada peniaga yang sudah berniaga lebih 20 tahun dan mereka (peniaga) yang membuka kedai melebihi 20 hari dalam sebulan.



**KEADAAN Pasar Awam Chowrasta yang dalam proses naiktaraf.**



**LAKARAN grafik Pasar Awam Chowrasta yang dijangka siap pada Mac 2015.**

# Paip bocor Flat Padang Tembak bakal selesai

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**AIR ITAM** - "Walaupun melibatkan peningkatan kos, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) tetap akan membantu penduduk menyelesaikan masalah paip bocor dan lif," ujar Exco Perancangan Desa, Bandar dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo ketika mengadakan lawatan ke Flat Padang Tembak di sini baru-baru ini.

Turut menemani beliau, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng.

Sebelum ini, kira-kira 519 aduan diterima berhubung masalah demikian yang dipercayai telah berlarutan hampir lima tahun sebelum ini.

Situasi bertambah teruk pada waktu pagi dan malam apabila para penduduk berada di kediaman masing-masing iaitu yang mana meningkatkan aliran air mengalir dan seterusnya bocor.

Dalam lawatannya, Jagdeep berkata, masalah tersebut masih berlarutan walaupun telah acap kali cuba diselesaikan, malah, kos turut meningkat.

"Walaupun kosnya agak tinggi, kita (Kerajaan Negeri) akan tetap membantu penduduk.



**JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) dan Cheah Kah Peng (kiri sekali) menunjukkan tanda bagus setelah mencuba lif yang berjaya dinaiktaraf di Flat Padang Tembak di sini.**

"Kaedah baru akan digunakan untuk membaiki sistem paip yang hanya memerlukan masa sehari bagi mengangkut keseluruhan air keluar.

"Kerajaan Negeri telah membayar sejumlah peruntukan, tetapi, sekiranya pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan kontraktor dilantik tidak selesaikan permasalahan ini, Kerajaan Negeri tidak akan teragak-agak untuk tidak menyelesaikan bayaran baki tersebut," tegas Jagdeep.

Nada sama disuarakan Kah Peng berhubung penaiktarafan sistem lif di lokasi berkenaan.

"Ini bukan melibatkan masalah pembayaran dan kos yang semakin meningkat, tetapi permasalahan utama dihadapi penduduk sekian lama perlu diselesaikan terlebih dahulu.

"Kita akan buat siasatan lif di setiap blok, kemudian baru fikirkan sebarang keputusan yang perlu.

"Sebelum ini, terdapat tiga lif di blok E, B dan J sedang dibaiki dan menelan belanja sejumlah RM660,000 keseluruhannya," ujar Kah Peng.

# Pengangguran anak muda negara serius - Steven Sim

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



**STEVEN Sim Chee Keong.**

**BUKIT MERTAJAM –** Dasar ekonomi Kerajaan Pusat yang terlalu bergantung kepada tenaga kerja murah khususnya pekerja tidak mahir dan separa mahir dari luar negara menjadi punca meningkatnya pengangguran dalam kalangan anak muda dalam negara.

Selain itu, sistem pendidikan Malaysia juga harus diberi perhatian dan bukan sahaja mampu meningkatkan kuantiti mahasiswa, malah kualiti, tegas Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dalam kenyataan akhbarnya di sini baru-baru ini.

Katanya, kerajaan perlu mengkaji semula dasar-dasar ekonomi dan pendidikan yang dilihat menjadi faktor penyumbang masalah pengangguran dalam kalangan anak muda.

Menurut laporan kajian yang didedahkan Menteri Pelajaran dan Pengajian Tinggi II, Datuk Seri Idris Jusoh, seramai 63,909 orang ataupun 31 peratus daripada siswazah tidak mendapat kerja selepas enam bulan tamat pengajian pada tahun 2012. (Rujuk *:http://www.8tv.com.my/mandarinnews/news-local/3_1371302359.html*).

"Data dari Laporan Ekonomi 2011/2012 oleh Kementerian Kewangan menunjukkan dari Januari sehingga Ogos 2011, seramai 308,371 orang ataupun 90.1 peratus penganggur daripada pencari kerja yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja adalah berumur antara 15 - 29 tahun. (Rujuk:http://*www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/1112/jp6_2.pdf*)," jelasnya.

Beliau memberitahu, walaupun kadar pengangguran negara berada di antara tiga hingga empat peratus, kadar pengangguran golongan berumur 15 hingga 24 tahun mencecah 12 peratus dengan kadar pengangguran golongan yang berusia 20 - 24 melebihi 10 peratus pada 2009. (Laporan bersama *United Nation* dan Unit Perancang Ekonomi Malaysia: *The Millennium Development Goals at 2010*).

Tambah Chee Keong, laporan-laporan tersebut jelas menunjukkan bahawa masalah pengangguran yang serius.

"Iaitu, anak muda negara tidak berupaya memasuki pasaran kerja memandangkan ia (pasaran kerja) merupakan "*a race to the bottom*" (suatu pertandingan ke bawah) yang menunjukkan keadaan di mana tiada persaingan dalam peningkatan gaji, kebajikan pekerja, peluang kenaikan serta peningkatan kemahiran dalam pasaran," nyata beliau.

# P. Pinang rangkul kembali gelaran 'Sang Juara'

**OLEH : WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**DATOK KERAMAT -** Setelah kemarau piala selama 10 tahun, pasukan bola sepak Pulau Pinang kini kembali bergelar 'Sang Juara' apabila menewaskan Tumpat FC, 2-0 pada perlawanan ke-17 Liga FAM di Stadium Bandaraya di sini baru-baru ini.

Kemenangan ini cukup bermakna buat pasukan Pulau Pinang, apabila ia telah menjamin kejuaraan tanpa perlu menunggu baki tiga perlawanan liga akan datang.

Jurulatih Pulau Pinang, Merzagua Abderrazak yang menjadi nadi pasukan selama ini merupakan antara individu paling gembira atas langkah pertama dalam mengembalikan kegemilangan bola sepak negeri dalam negara.

"Saya mengucapkan syukur alhamdullilah atas kejayaan ini dan berterima kasih kepada semua pihak dan para peminat yang tidak jemu memberi sokongan padu kepada anak buah saya dari peringkat awal liga hingga sekarang.

"Sekurang-kurangnya saya berjaya mencapai matlamat diri saya iaitu kembali ke Pulau Pinang untuk menaikkan semula martabat bola sepak negeri ini," ujarnya dalam temubual sebaik sahaja tamat perlawanan di sini baru-baru ini.

Pada perlawanan yang sudah memberi gambaran kemenangan pasukan Pulau Pinang, tuan rumah berjaya di depan apabila jaringan sendiri oleh pertahanan Tumpat FC sebelum penyerang Pulau Pinang, Elias Sulaiman menambah gol kedua pada minit ke 85 permainan.

Piala dan replika cek sebanyak RM 50,000 disampaikan sendiri oleh Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas.

Bagi rekod, kemenangan tersebut merupakan piala ke-16 Pulau Pinang secara keseluruhan penglibatan dalam kancah bola sepak Malaysia.

Atas kejuaraan tersebut juga Pulau Pinang layak meneruskan aksi 2014 di liga utama, Liga Perdana yang lebih kompetitif dan menjanjikan saingan hebat.



**BARISAN pemain pasukan Bola Sepak Pulau Pinang bersama-sama jurulatih, Abdul Rahman Abbas dan kepimpinan Kerajaan Negeri meraikan kemenangan pada perlawanan ke-17 Liga FAM di sini baru-baru ini.**

Turut hadir meraikan kemenangan bersejarah tersebut, Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim dan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng.

# Kursus asuhan PWDC perkasa wanita

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**KEPALA BATAS –** Berasaskan inisiatif untuk meningkatkan sumber pendapatan di samping memperkasakan golongan wanita terutama mereka yang berpendapatan rendah dan tidak terlibat dalam bidang pekerjaan, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) baru-baru ini telah melaksanakan Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak – Taska Di Rumah (KAAK-TR) kali ketiga.



**PARA peserta ceria menunjukkan sijil penyertaan masing-masing pada penganjuran KAAK-TR Ke-3 di sini baru-baru ini.**

Kursus enam hari tersebut adalah hasil kerjasama Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia dan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM).

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng berkata, kadar penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan di Pulau Pinang adalah 56 peratus, manakala seluruh Malaysia (48 peratus).

"Kadar tersebut adalah amat berbeza berbanding negara jiran seperti Singapura yang mencatatkan jumlah sebanyak 60 peratus dan Thailand (70).

"Salah satu faktor penyebab yang dikenalpasti adalah kekurangan akses kepada jagaan kanak-kanak yang berpatutan dan berkualiti," pada Majlis Perasmian KAAK-TR Ke-3 di sini baru-baru ini.

Seramai 35 peserta di SPU menyertai kursus tersebut dengan yuran yang dikenakan hanya berjumlah RM10.

Menurut Eng, satu pertiga daripada populasi negara adalah terdiri daripada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

"Di Seberang Perai Utara (SPU), statistik tahun 2010 menunjukkan terdapat kira-kira 770,000 kanak-kanak di bawah umur 14 tahun dan 30 peratus daripadanya adalah di bawah usia empat tahun.

"Menurut kajian kami (Kerajaan Negeri), nisbah pusat jagaan kepada populasi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun adalah 1 : 1,352 iaitu 1 pusat jagaan untuk setiap 1,352 orang kanak-kanak," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengurus Program PWDC, Karen Lai Yu Lee memberitahu bahawa mekanisma penganjuran program adalah mementingkan lokasi mengikut daerah, malah, yuran yang rendah adalah bagi menggalakkan penyertaan golongan wanita tempatan dalam kursus berkenaan.

"Kita cuba untuk memudahkan akses mereka (golongan wanita) dengan program ini, mengurangkan masalah pengangkutan dan kesukaran hidup yang dihadapi," kata Yu Lee.

Kursus sama turut diadakan PWDC sebelum ini di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (SPS) dan Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah (SPT) serta Kursus Tatacara Penubuhan Taska di Teluk Kumbar, Barat Daya.

**ANTARA hasil seni Chang Yi dan Loretta H. Yang yang dipamerkan pada Pameran *Legend of Contemporary Liuli Art* di sini baru-baru ini.**



# Seni kaca taraf dunia temui peminat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Koleksi hasil seni kaca Chang Yi, *Father of the Asia Studio Glass Movement,* yang sebelum ini ditempatkan di 16 buah muzium seluruh dunia kini berada di Pulau Pinang bersempena sambutan Festival George Town 2013.

Antara koleksi menarik dipamerkan adalah *Imminent Spring Dance, Parrot Tulip, A Smile for Serenity, One Hundred Years, A Liuli Flower Blooms* dan *A Realm of Zen within Fire- Moth Orchid*.

Sebelum ini, koleksi-koleksi tersebut pernah dipamerkan di *The Palace Museum,* Beijing, China; *Yakushiji Temple,* Nara, Jepun; *National Museum of Women in the Arts,* Washington D.C, Amerika Syarikat dan *Victoria & Albert Museum,* London, United Kingdom.

Turut berkongsi pentas pameran ialah artis kelahiran Perancis, Marie Dargent yang mempamerkan hasil karya terbaru *'A Town Called George'* bersama suaminya, John Brunton, seorang jurugambar.

Marie yang pernah tinggal di Malaysia pada tahun 1982 hingga 1985 mempamerkan karya terbaru litografi yang menggabungkan fotografi dan seni *cut-out*.

Antara hasil karya yang mencuri tumpuan ialah Lorong Stewart, *Peking Hotel, George Town World Heritage*, *Kapitan Keling Mosque* dan *Cheong Fatt Tze Mansion*.

Selain pameran seni kaca, kristal dan litografi, turut dipamerkan adalah seni tenunan dan stensil emas *'Memories of Gold'* oleh Tiao Nithakhong Somsanith, artis yang berasal dari Laos.

Umumnya, pameran *Legend of Contemporary Liuli Art* yang diadakan merupakan pameran seni kaca pengasas *Luiligongfang* terbesar di Malaysia.

# Mencari Arus Melayu

**PROGRAM** Arus Melayu yang dianjurkan selama dua hari sempena *George Town Festival 2013* merupakan penglibatan julung kali *Penang Institute* dalam pesta bertaraf antarabangsa ini. Saya masih lagi teringat, ilham untuk mengadakan program ini telah tercetus semasa perbualan santai kira-kira enam bulan yang lalu di antara saya, Pengarah Festival Joe Sidek, Prof. Muhammad Hj. Salleh serta beberapa lagi rakan yang lain. Sepertimana Joe Sidek, saya sendiri berasa teringin untuk memahami warisan budaya kita dengan lebih mendalam.

Persoalan pokoknya adalah: siapakah Melayu dan dari mana datangnya? Dalam konteks Malaysia, mungkin soalan itu tidak selalu dikupas, memandangkan Perlembagaan kita sudah pun memperuntukkan takrifan untuk orang Melayu, yakni: beragama Islam, mengamalkan adat Melayu serta bertutur dalam bahasa Melayu.

Jika diteliti, definisi rasmi ini sangat 'aneh' kerana ia tidak langsung berkaitan dengan konsep kaum. Sebaliknya, ia merupakan konsep politik yang direka untuk menggolongkan suku-suku kaum yang berbeza kepada satu rumpun berdasarkan agama dan bahasa sebagai penyebut sepunya. Tetapi jika kita menjejaki asal-usul takrifan ini, kita akan mendapati bahawa ia sebenarnya berpunca daripada Enakmen Rizab Melayu 1913 yang telah digubal oleh kerajaan British. Maka, takrifan Melayu yang telah diwarisi ini juga boleh dikatakan sebagai binaan atau konstruk kolonial yang telah dizahirkan demi kemudahan birokratik. Dan sekiranya takrifan Melayu Malaysia ini diterima pakai, tidakkah ia bercanggah dengan pemahaman Melayu di negara-negara lain?

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

Sebagai contoh, di Indonesia, Melayu itu merujuk kepada satu kumpulan etnik atau suku kaum yang tertentu. Dan jika di Malaysia, orang berketurunan Jawa, Minang, Bugis dan lain-lain lagi dianggap sebagai Melayu, ini langsung tidak berlaku di Indonesia. Orang Jawa di Indonesia tidak sesekali pun akan menganggap dirinya Melayu sebagaimana orang Jawa di Malaysia.

Malah, istilah "masuk Melayu" di sesetengah tempat di Indonesia boleh membawa maksud memeluk agama Kristian. Ini mungkin tidak dapat dibayangkan di Malaysia kerana dalam masyarakat kita, Melayu dan Islam adalah kata-kata yang sering ditukar ganti.

Keadaan yang sebegini boleh menimbulkan percanggahan dalam konteks negara kita, di mana seorang Melayu dari negara lain tidak boleh dianggap sebagai Melayu di negara kita kerana tidak memenuhi syarat agama. Jadi, timbullah masalah bagaimana konsep Melayu dalam takrifan politik boleh diselaraskan dengan konsep Melayu dalam takrifan kaum.

**Melayu bukan milik Malaysia**

Sebenarnya, Melayu bukanlah sesuatu konsep yang tetap. Ia juga tidak harus dimonopoli dan dianggap sebagai satu kumpulan monolitik sepertimana yang digambarkan di Malaysia. Yang paling penting, kita harus sedar



YB Zairil Khir Johari, Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Institute* sedang menyampaikan ucapan alu-aluan.


BARISAN ahli panel yang berwibawa (dari kiri) Prof. Shaharir, pakar etno-matematik, Prof. Muhammad Haji Salleh, Sasterawan Negara, Dain Said, Pengarah filem dan Eddin Khoo, budayawan dan pengasas PUSAKA.

bahawa Melayu itu bukan milik eksklusif negara Malaysia. Sebenarnya, orang Melayu bukan sekadar terhad kepada gugusan kepulauan Melayu, tetapi boleh dijumpai di serata dunia termasuk di Surinam, Madagascar, Afrika Selatan, Sri Lanka dan juga Christmas Island.

Bagi saya, kerencaman bangsa Melayu ini adalah sangat menarik dan perlu diberi lebih perhatian dalam bicara umum. Identiti Melayu sememangnya suatu identiti yang kompleks dan sentiasa berkembang. Ia memerlukan penghayatan yang terbuka dan tidak dihindari batas-batas buatan. Dalam erti kata lain, saya percaya bahawa persoalan jati diri Melayu tidak harus dibiarkan berada di tangan ahli politik semata-mata. Apatah lagi di tangan gerombolan politik yang menggunakan isu ini sebagai modal untuk mengukuhkan sentimen etno-nasionalisme sempit yang merugikan semua, khususnya orang Melayu sendiri.

Sesungguhnya, sejarah telah membuktikan bahawa rahsia kejayaan dan panjang umur sesuatu tamadun itu adalah kebolehan masyarakatnya untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan zaman. Dalam pada itu, evolusi bangsa Melayu yang telah pun tersebar luas sepanjang abad-abad yang lalu jelas menunjukkan bahawa budayanya tidak eksklusif, malah ia sangat terangkum.

Oleh itu, adalah wajar dan penting bahawa masyarakat kita tidak dikongkong oleh sentimen-sentimen sempit dan sebaliknya diberikan pilihan wacana jati diri Melayu yang lebih jujur, inklusif dan juga rasional. Saya secara peribadi percaya bahawa kita tidak perlu apologetik dalam membicarakan isu kaum, budaya, bahasa dan bangsa. Namun, laras yang kita pilih sangat mustahak. Jika persoalan kebudayaan yang sebegini rumit dan rencam, disempitkan dan dikaitkan secara langsung kepada jatuh bangun sesuatu parti politik, maka ia bukan sahaja kelihatan dangkal malah juga menghina keperibadian dan sejarah panjang sesuatu bangsa itu sendiri.

**Budaya itu susuk dan citra bangsa**

Tujuan *Penang Institute* menganjurkan program Arus Melayu yang merangkumi bukan sahaja juadah intelektual daripada tokoh-tokoh kebudayaan tempatan tetapi juga tayangan filem serta persembahan musik diaspora Melayu dari seluruh dunia adalah untuk menawarkan para hadirin dengan pengalaman kebudayaan yang tuntas. Semoga kita dapat mengenali dengan lebih rapat susuk keperibadian Melayu melalui medium-medium kebudayaan tersebut.

Buat pengetahuan semua, ini bukanlah kali pertama *Penang Institute* menganjurkan program seumpama ini. Sebelum ini, melalui siri Forum Nusantara, *Penang Institute* telah menghadirkan ramai tokoh kebudayaan dari dalam dan luar negeri untuk mencetus kembali budaya pencerahan di Pulau Pinang dengan perbincangan yang mengupas buah fikiran para intelektual Melayu dahulu. Selain itu, *Penang Institute* pada tahun lalu telah menganjurkan Festival P Ramlee yang telah berlangsung selama sebulan, bukan sahaja sebagai penghargaan kepada tokoh Seniman Negara kita, malah kepada semua bakat tempatan di negara ini.

Maka, saya berharap saudara-saudari akan menikmati keindahan identiti dan pesona Melayu yang bakal disampaikan oleh barisan panelis kita yang telah didatangkan khas, iaitu pakar etno-matematik Prof. Shaharir Mat Zain, Sasterawan Negara Dr. Muhammad Hj. Salleh, budayawan Saudara Eddin Khoo dan pengarah filem Saudara Dain Said.

**Sekian, terima kasih.**



DAIN Said, salah seorang ahli panel Arus Melayu yang juga Pengarah filem terbaik Bunohan dengan gayanya tersendiri menerangkan imej wanita dalam filem Melayu.

**ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Institute***
**Teks ini merupakan ucapan alu-aluan Program Arus Melayu yang berlangsung pada 15 dan 16 Jun 2013 yang lalu di Town Hall, George Town, Pulau Pinang.**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| AIR PUTIH<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| PANTAI JEREJAK<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 390 1867<br>(F) 04 - 390 1867 |
| PADANG KOTA<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| BATU MAUNG<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| BAGAN JERMAL<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| BATU LANCHANG<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| PADANG LALANG<br>YB Chong Eng | (T) 04 - 502 5071<br>(F) 04 - 508 9711 |
| DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| SEBERANG JAYA<br>YB Dr. Afif Bahardin | Sedang dikemaskini |
| BUKIT TAMBUN<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| AIR ITAM<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| BERAPIT<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| MACHANG BUBOK<br>YB Lee Khai Hoon | (T) 04 - 551 1442 |
| TANJONG BUNGAH<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| JAWI<br>YB Soon Lip Chee<br>lcsoon@mpsp.gov.my | sedang dikemaskini |
| PENGKALAN KOTA<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T)04 - 250 1521<br>04 - 2501522<br>(F)04 - 2501523 |
| BAGAN DALAM<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| KEBUN BUNGA<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| SUNGAI BAKAP<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | sedang dikemaskini |
| PULAU TIKUS<br>YB Dr. Yap Soo Huey<br>yapsoohuey@gmail.com | sedang dikemaskini |
| PERMATANG PASIR<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| BUKIT TENGAH<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbktengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| PENANTI<br>YB Norlela Ariffin | (T) 04 - 522 2916<br>(F) 04 - 521 2915 |
| SUNGAI PINANG<br>YB Lim Siew Khim | (T) 04 - 282 8322 |
| BATU UBAN<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| SERI DELIMA<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| DAP PENANG HQ<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>04 - 227 1397<br>04 - 226 6482 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>YB Mohd. Zain Ahmad | Sedang dikemaskini |
| BERTAM<br>YB Shariful Azhar Othman | Sedang dikemaskini |
| PINANG TUNGGAL<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | Sedang dikemaskini |
| PERMATANG BERANGAN<br>YB Omar Abd. Hamid | Sedang dikemaskini |
| SUNGAI DUA<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | Sedang dikemaskini |
| TELOK AIR TAWAR<br>YB Datuk Jahara Hamid | Sedang dikemaskini |
| SUNGAI ACHEH<br>YB Datuk Mahmud Zakaria | Sedang dikemaskini |
| BAYAN LEPAS<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| PULAU BETONG<br>YB Muhamad Farid Saad | Sedang dikemaskini |
| TELUK BAHANG<br>YB Shah Haedan Ayoob | Sedang dikemaskini |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| BERTAM<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| PINANG TUNGGAL<br>Muhasdey Muhamad<br>hadipufra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| PERMATANG BERANGAN<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| SUNGAI DUA<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| TELOK AIR TAWAR<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| SUNGAI ACHEH<br>Mohammad Razak | 013-597 6478 |
| BAYAN LEPAS<br>Asnah Hashim<br>asnah45@hotmail.my | 019-472 6956 |
| PULAU BETONG<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| TELUK BAHANG<br>Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>abdulhalimhussain@gmail.com | 019-480 9599 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| INFORMASI PENERANGAN | 04-643 0373 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-397 1058 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| PUSAT INFO PELANCONG | 04-261 4461 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERUNDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| JABATAN BURUH | 04-262 5536 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 013 - 499 5068 | - Ridwan Osman |
| N2 | Bertam | : 013 - 580 6981 | - Asrol |
| N3 | Pinang Tunggal | : 019 - 437 2887 | - Muhasdey Muhamad |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 510 2633 | - Arshad Md. Salleh |
| N5 | Sungai Dua | : 019 - 507 3828 | - Zahadi Mohd. |
| N6 | Telok Air Tawar | : 019 - 433 7119 | - Norhayati Jaafar |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 522 2916 | - Rodzi |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 016 - 466 0664<br>012 - 319 1985 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 390 1867 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 013 - 597 6478 | - Mohammad Razak |
| N22 | Tanjong Bungah | : 016 - 465 0218 | - [illegible] |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 012 - 486 2552 | - Lingam |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227 | - Benji Ang |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>010 - 464 6308 | - Varinder Kaur<br>- Fuzaina |
| N30 | Sungai Pinang | : 010 - 464 3308 | - Amelia Tan |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736 | - Anne |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>019 - 444 1039 | - Toon Hoon Lee<br>- Sabapathee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 013 - 510 1968<br>012 - 504 4836 | - Latifah<br>- Ziezullhakim |
| N38 | Bayan Lepas | : 019 - 472 6956 | - Asnah Hashim |
| N39 | Pulau Betong | : 019 - 570 9500 | - Hj. Mohd Tuah Ismail |
| N40 | Telok [illegible] | : 019 - 480 9599 | - Dato' Haji [illegible] |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

| Nama | Telefon |
|---|---|
| Teoh Seang Hooi (DAP)<br>shteow@mpsp.gov.my | 019-412 99 96<br>04-594 1231 |
| Visvanathan a/l Kumaran (DAP)<br>visvanathan@mpsp.gov.my | 012-477 6468<br>04-398 3242 (Tel)<br>04-502 1667 (Fax) |
| Tan Xin Ying (DAP) | 016 - 553 1987 |
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 571 2250 |
| Guanalan a/l Sengalaney (DAP) | 013 - 485 3128 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP)<br>chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012-5619870 |
| Mohamad Zainudin Othman (PKR) mohamadzainudin@mpsp.gov.my | 013-45 47 009 |
| Ahmad Farid Md. Arshad (PKR)<br>ahmadfarid@mpsp.gov.my | 019-540 9396<br>04-3979796 (Fax) |
| Johari Kassim (PKR)<br>johari@mpsp.gov.my | 019-449 1450 |
| Abdul Latif Abdullah (PKR)<br>abdul_latif@mpsp.gov.my | 019-560 57 55 |
| Lim Eng Nam (PKR)<br>peterlim@mpsp.gov.my | 016-411 44 00<br>04-588 0818 (Tel)<br>04-588 0885 (Fax) |
| Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR)<br>kusala@mpsp.gov.my | 019-54 63 257 |
| Amir Md. Ghazali (PKR)<br>amir@mpsp.gov.my | 013-584 8386<br>04 - 521 1987 (Fax) |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS)<br>ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019- 408 4899 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO)<br>lttiun@mpsp.gov.my | 013-430 2096<br>04-508 0039 (Tel)<br>04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |
| Loh Joo Huat (DAP)<br>jhloh@mpsp.gov.my | 012-4221133 |
| Ong Koon Liak (DAP)<br>klong@mpsp.gov.my | 012-4277868<br>04-530 0363 (Tel)<br>04-538 6950 (Fax) |
| Sarina Hashim (PKR)<br>sarina@mpsp.gov.my | 013-50 00 155 |
| Md Jamil Abd. Rahman PAS)<br>mdjamil@mpsp.gov.my | 019-4490007 |
| Wong Chee Keet | 012-451 1312 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

| Nama | Telefon |
|---|---|
| Zulkifli Mohd. Noor (DAP) | 012 - 483 0878 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 42822 50 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Lim Cheng Hoe (DAP) | 016 - 438 4809 |
| Tan Hun Wooi (DAP) | 012 - 488 0409 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Ooi Keat Hin (PKR) | 016 - 417 1331 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR) | 016 - 422 2142 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor (PAS) | 04 - 657 7464 (Tel)<br>012 - 472 8114 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205<br>019 - 450 7890 |
| Sr. Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahim (NGO) | 012 - 472 6725 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Prem Anand a/l Loganathan (DAP) | 012 - 412 2558 |
| Tan Seng Keat (PKR) | 012 - 438 6191 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Mohd Taufik Sulong (PKR) | 012 - 438 0873 |
| Tahir Jalaluddin Hussain (NGO) | 012 - 463 5959 |
| Dr. Lim Mah Hui (NGO) | 012 - 422 1880 |
| Sin Kok Siang (NGO) | 016 - 422 2255 |
| Ng Chek Siang (PKR)<br>perisaihebat@gmail.com | 016 - 470 7089 |

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
MOHD. HAFIZ TAJUDIN
AHMAD ADIL MUHAMAD

**Jurugrafik:**
LOO MEI FERN
IDZHAM AHMAD

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 019 357 9726

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Julai 2013

1hb Jun - 15hb Julai
***Penang Durian Festival***
Anjung Indah, Balik Pulau





5hb - 7hb Julai
***Penang MATTA Fair***
Penang Times Square

20hb Julai
***Penang Bon Odori Festival***
Esplanade
6.00pm- 11.00pm



## Iklaneka




**Buletin Mutiara boleh diperoleh di :**

- Pejabat-pejabat ADUN
- Pejabat-pejabat Kerajaan Negeri
- Pejabat-pejabat PBA
- Bukit Bendera
- Pasaraya-pasaraya sekitar Pulau Pinang
- Hospital-hospital Kerajaan dan Swasta
- Pejabat-pejabat NGO
- Edaran rumah ke rumah

| Jenis Iklan | Saiz | Kos (sebulan,RM) |
|---|---|---|
| Satu Muka Surat | 25sm(w) x 32sm(h) | 15,000 (*) |
| Separuh Muka Surat (melintang) | 25sm(w) x 16m(h) | 7,500 (*) |
| Separuh Muka Surat (menegak) | 12.5sm(w) x 32m(h) | 7,500 (*) |

**Bagi Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :**
**Shawal Ahmad:**
**04 - 650 5550, 04 - 650 5256, 012 - 424 9004**
**shawal@penang.gov.my atau shawal9004@gmail.com**



**TIMBALAN Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon berjabat tangan dengan salah seorang Ahli Majlis MPPP pada Majlis Jamuan Makan Tengah Hari Bersama Ahli Majlis dan Ketua Jabatan MPPP.**

**PARA peserta ceria sambil menunjukkan sijil yang diterima pada Majlis Penutup Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak Taska Rumah.**





**YDP MPSP, Maimunah Mohd. Sharif (duduk, kiri sekali) beramah-mesra dengan kanak-kanak pada penganjuran Karnival Haiwan Kesayangan MPSP 2013.**



**PENGARAH Urusan Bank Islam Malaysia Berhad, Datuk Seri Zukri diperhatikan Yang Dipertua MAINPP, Datuk Mohd. Salleh Man (tig penyerahan cek zakat perniagaan di sini.**





Samat (tiga dari kiri) bertukar-tukar cenderamata dengan Ketua Menteri sambil ga dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri selepas selesai majlis




SEBAHAGIAN persembahan menarik pada Majlis Pelancaran Pesta Thai 2013.



AKSI kanak-kanak pada Majlis Sukan Tahunan SJK (T) Ladang Jawi.




EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo (dua dari kiri) menyempurnakan gimik Projek Mengecat Semula Flat Taman Free School.




WAJAH baru Pasar Taman Berjaya, Nibong Tebal.

# Apa itu "Bajet Responsif Gender"

Oleh: **Projek BRG, PWDC**

**APA Itu "Bajet Responsif Gender (BRG)"?**

Bajet Responsif Gender (BRG) adalah satu pendekatan dalam membuat bajet dan rancangan kerajaan yang mengambilkira bahawa kelompok masyarakat yang berlainan mempunyai keperluan yang berbeza dalam penggunaan perkhidmatan awam yang disediakan oleh kerajaan.

**Kenapa BRG?**

- Hasrat kerajaan untuk memberi rakyat hak bersuara mengenai perkhidmatan yang disandarkan oleh kerajaan.
- Kesaksamaan gender dan keadilan sosial di Pulau Pinang.
- Penyertaan komuniti dalam proses membuat keputusan dan dialog bajet akan memperkasakan anda semua sebagai penduduk, bahkan menghidupkan demokrasi tempatan.
- Menerusi pendekatan BRG, keperluan-keperluan berbeza bagi kelompok yang berlainan iaitu lelaki dan wanita, kanak-kanak lelaki, kanak-kanak perempuan, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) dilihat dan diambilkira dalam peruntukan bajet kerajaan tempatan.
- BRG bertindak sebagai satu proses pengantara bagi komuniti dan kerajaan dengan matlamat penilaian bajet tahunan kerajaan dapat mengambilkira keperluan kelompok masyarakat berlainan, juga mengikut kumpulan jantina dan umur yang berbeza.
- Komuniti menyuarakan keperluan-keperluan mereka menerusi dialog dan kumpulan tumpu-bincang.
- Pendekatan BRG memudahkan proses penyampaian keperluan-keperluan masyarakat oleh ahli masyarakat sendiri kepada kerajaan untuk dipertimbangkan dan dibincangkan dalam perancangan bajet dan .peruntukan sumber
- Kerajaan dan komuniti membentuk hubungan rakan kongsi dengan kerajaan sebagai penyedia perkhidmatan sementara komuniti sebagai pengguna perkhidmatan.
- Penyertaan anda dalam sebarang proses maklum balas seperti dialog bajet menandakan bahawa demokrasi tempatan dapat digerakkan.

**Manfaat Pendekatan BRG**

- Responsif terhadap keperluan-keperluan yang berbeza bagi kelompok yang berlainan.
- Memastikan semua pihak berkepentingan dipertimbangkan dalam perancangan bajet dan peruntukan sumber.
- Membantu mempertingkatkan analisis dasar kerana pengumpulan data yang lebih baik dan menyeluruh.
- Memastikan sumber-sumber diperuntukkan kepada golongan yang paling memerlukan.
- Mengukuhkan hubungan di antara dasar serta kesan ekonomi dan sosial.
- Menghasilkan urus tadbir yang baik.
- Mencapai kesaksamaan gender di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa, seperti dasar-dasar kesaksamaan gender kebangsaan dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).







**Bagaimana BRG Bermula di Pulau Pinang**

- Idea BRG di Pulau Pinang dicetuskan oleh Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA) Universiti Sains Malaysia dan Persatuan Untuk Tadbir Urus Baik dan Kesaksamaan Gender (3Gs) pada akhir tahun 2010.
- Apabila Kerajaan Negeri menubuhkan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) pada November 2011 sebagai badan dikendalikan di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) untuk Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti; **Projek Perintis BRG selama tiga tahun (2012 hingga 2015)** dijadikan sebagai sebuah Projek Perdana PWDC di bawah Teras Dasar Gender dan Advokasi (GPA). Projek ini adalah usahasama antara Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan dua kerajaan tempatan iaitu **Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)** dan **Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).** Projek ini turut mendapat sokongan padu dan pembiayaan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**Siapa Pihak-pihak Berkepentingan?**

- PWDC
- Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- Kerajaan tempatan (MPPP dan MPSP)
- Anda dan komuniti

**Bagaimana Anda Boleh Melibatkan Diri?**

- MPPP dan MPSP dengan pendekatan BRG menjemput anda memberikan maklumbalas anda dalam perancangan bajet untuk tahun 2014. Kedua-dua kerajaan tempatan ini ingin mengetahui keperluan anda. **Jangan lepaskan peluang menyuarakan keperluan anda, perkhidmatan apa yang penting untuk anda, di kawasan mana perkhidmatan perlu di tingkatkan.**
- Layari laman web MPPP di http://*www.mppp.ov.my* dan laman web MPSP di http://*www.mpsp.gov.my*




**Hubungi kami:**

- www.grb-pwdc.org.my
- info@pwdc.org.my
- 04-261 2835
- Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

# Pesta Thai 2013 rapat kerjasama dua negara



**ANTARA** barangan perhiasan buatan tangan yang dijual pada Pesta Thai 2013 di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Lebih 60 kiosk makanan, pakaian dan perhiasan dari Selatan Thailand *(Southern Border Provinces of Thailand* – SBPAC) memeriahkan penganjuran lima hari Pesta Thai 2013 bermula 6 Jun lalu di sini.

Menurut Timbalan Setiausaha Agung SBPAC, Vittaya Panichpong penganjuran hasil kerjasama Konsulat Thailand di Pulau Pinang dan *Penang Tourism* tersebut telahpun memasuki tahun keempat sejak 2010.

"Selain merapatkan hubungan Malaysia dan Thailand, pesta ini juga bertujuan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha makanan di Selatan Thailand mempromosikan produk masing-masing ke peringkat antarabangsa.

"Sekaligus, ia juga dapat meningkatkan pendapatan yang mereka peroleh melalui perniagaan produk-produk yang dihasilkan," ujarnya pada Majlis Perasmian Pesta Thai 2013 di sini baru-baru ini.

Turut hadir melancarkan penganjuran berkenaan adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Tambahnya, SBPAC turut berhasrat membantu penduduk di Selatan Thailand, terutama di wilayah-wilayah bergolak seperti Narathiwat, Pattani dan Yala selain di wilayah Songkhla dan Satun.

Malah, jelas Vittaya, Kerajaan Thailand di bawah pimpinan Perdana Menteri Thaksin Shinawatra (2001-2006) juga telah memperkenalkan program *'One Thumbon One Product Project'* (OTOP), iaitu Projek Satu Daerah Satu Produk di bawah pemerkasaan industri kecil dan sederhana.

Hadir sama, Konsul Jeneral Thailand ke Pulau Pinang, H.E Puan Srirat Vathesatogkit, Timbalan Gabenor Wilayah Songkhla, H.E Kamthorn Sitthichot, Konsul Jeneral Jepun, H.E Ryuji Noda, Exco Pembangunan Pelancongan & Kebudayaan, Law Heng Kiang dan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng.

Bersempena itu, pelbagai jenis variasi makanan Thailand seperti *som tam* (salad betik muda), *khao pad* (nasi goreng), *yam talae* (salad masam), pulut mangga dan telur puyuh goreng menjadi tarikan Pesta Thai 2013.



**PULUT** mangga.


## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 1611<br>Peminjam : WAN SHAFIZAH BINTI HUSSAIN - 711106075846<br>301-N JALAN DATO KRAMAT, 10150<br>Penjamin 1 : ZAHARAH BT MAAROF - 3459807<br>KB4-3 FLAT, TAMAN FREE SCHOOL,<br>10460 PULAU PINANG<br>Penjamin 2 : SHARIFF ZAINOL BIN SHARIFF HUSSAIN - 6374971<br>NO. 301 N KAMPUNG MAKAM,<br>DATO KRAMAT ROAD 10150 PULAU PINANG

No Akaun : 1619<br>Peminjam : SUZANA BINTI AHMAD - 720306075386<br>NO 52 BK5/11, BANDAR KINRARA,<br>47100 PUCHONG<br>Penjamin 1 : SYED HANAPI BIN SYED ABDULLAH - T805053<br>BLK 23-1-7 FASA 1C2, JALAN 2155B,<br>TAMAN SETIAWANGSA<br>54200 KUALA LUMPUR<br>Penjamin 2 : MUHAMMAD BIN DAUD - T805754<br>NO.32 JALAN SG.L/20, TAMAN SERI GOMBAK<br>68100 BT.CAVES, SELANGOR

No Akaun : 1639<br>Peminjam : SHANMUGA SUNDARAM A/L MURUGASON - 710515075391<br>NO.3 LORONG MARKISAH 4,<br>TAMAN MARKISAH 14000 BUKIT MINYAK<br>Penjamin 1 : GUNA SEKARAN A/L KALLIAPPAN - 7324818<br>NO.8 LORONG BAKAWALI 4,<br>TAMAN BAKAWALI 13300 TASEK GELUGOR<br>Penjamin 2 : SUNKUMAR A/L AYAVOO - 7323932<br>NO.2744 KAMPUNG BESAR<br>13300 TASEK GELUGOR, S.P.U

No Akaun : 1655<br>Peminjam : YEOW CHEE KHEONG - 710528075235<br>23 LORONG PENGKALAN MACHANG 4,<br>TAMAN PENGKALAN MACHANG<br>13800 SG. DUA, BUTTERWORTH<br>Penjamin 1 : TOH EWE JIN - 7261348<br>29 TINGKAT BINJAI 8, TAMAN SRI RAMBAI<br>14000 BUKIT MERTAJAM<br>Penjamin 2 : ONG HOE CHOON - 621129075399<br>1460 KAMPONG SIMPAH<br>12300 BUTTERWORTH

No Akaun : 1660<br>Peminjam : CHOONG LAI WENG - 711017075369<br>770 SUNGAI PUYU MK 16,<br>BUTTERWORTH, 13020<br>Penjamin 1 : CHOONG LAI GHUAN - 7322562<br>770 SUNGAI PUYU, MUKIM 16,<br>13020 BUTTERWORTH<br>Penjamin 2 : CHOONG SIEW LEE - 660624075558<br>23, TAMAN BERJAYA<br>08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 1674<br>Peminjam : TAN BOON SEONG - 710116075159<br>19 PERSIARAN BUKIT KECIL 4,<br>TAMAN SRI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS<br>Penjamin 1 : CHING WING CHOR - A0045231<br>NO.7D JALAN SATU,, 11400 AIR ITAM,<br>PULAU PINANG<br>Penjamin 2 : LOO PIANG HONG @ LOO PENG HONG - 0783061<br>19 TAMAN SENTOSA JAYA, BAKAR ARANG,<br>SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

No Akaun : 1683<br>Peminjam : FONG YOKE THENG - 700106075068<br>PLOT 8 ELSIEDALE ESTATE MUKIM 18,<br>MOUNT ERSKINE 10470 PULAU PINANG<br>Penjamin 1 : LEONG CHOONG MEN - 1554330<br>11-A JALAN ORIENTAL 5,<br>11060 PAYA TERUBONG, PULAU PINANG<br>Penjamin 2 : LEE THUAN CHEANG - 1334112<br>29 CANGKAT TEMBAGA, ISLAND PARK<br>11700 PULAU PINANG

No Akaun : 1721<br>Peminjam : OOI CHOK SIEW - 690224075185<br>368 BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG<br>Penjamin 1 : FOO KOK YONG - 3781096<br>NO.368 JALAN BATU MAUNG<br>11960 PULAU PINANG<br>Penjamin 2 : LIM CHEW LAY - A0045236<br>118, B4-9-1 PUTRA PLACE CONDOMINIUM,<br>PERSIARAN BAYAN INDAH<br>11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 1726<br>Peminjam : CHIN YEOK FONG - 691008075134<br>C-10-08 APARTMENT AMAN PURI,<br>JALAN AMAN 52100 KEPONG, SELANGOR<br>Penjamin 1 : CHIN CHEE LEONG - 5740835<br>1925 LORONG SELASIH 9/4,<br>TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH<br>Penjamin 2 : WAN KOON BENG - 4265756<br>1926 LORONG SELASIH 9/4,<br>TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 1770<br>Peminjam : TAN GIN GHEE - 690423075153<br>18-11-03 TAMAN SERI SARI,<br>HILIR PAYA TERUBONG 1 RELAU<br>11900 BAYAN LEPAS<br>Penjamin 1 : OOI POH SENG - 2197798<br>177 BLOK 102, JALAN TAN SRI TEH EWE LIM,<br>11600 PULAU PINANG<br>Penjamin 2 : TAN BAH KOK - 5741930<br>24, JALAN TEMBAGA, SERI DELIMA,<br>BUKIT GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 1790<br>Peminjam : AZIZEE BIN AHMAD - 701013075215<br>NO 54 MK H SUNGAI BURUNG,<br>BALIK PULAU, 11000<br>Penjamin 1 : ADZHAR BIN AHMAD - T711110<br>43 LRG BAGAN LALLANG 15,<br>TAMAN BAGAN LALLANG<br>13400 BUTTERWORTH<br>Penjamin 2 : ILIAS BIN TAHIR - RF55338<br>BLOK 13 G-1 PMTG DAMAR LAUT<br>11900 PULAU PINANG

No Akaun : 1791<br>Peminjam : MUHAMMAD BIN HASHIM - 720606025719<br>KM 49 JALAN AMPANGAN PEDU<br>06300 KUALA NERANG, KEDAH<br>Penjamin 1 : ARABI BIN SULAIMAN - 0667163<br>NO.118 LORONG CENGAI BATU,<br>TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH<br>Penjamin 2 : MOHD RASHID BIN HJ HASSAN - 0795314<br>NO.129 LORONG CENGAI BATU,<br>TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 1792<br>Peminjam : NAZIMAH BINTI MOHAMED MYDIN - 720418075786<br>2B-4-10 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH,<br>11600 JELUTONG, PULAU PINANG<br>Penjamin 1 : MD IQBAR BIN MOHD MADAR – 3638556 (MENINGGAL DUNIA)<br>NO. 6 LINTANG BUKIT KECIL 5,<br>TAMAN SRI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG<br>Penjamin 2 : MOHD MYDIN BIN MOHAMED - 0577186<br>2A-03-07 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 1794<br>Peminjam : NG BOON SENG - 690705075215<br>169C PERSIARAN PEGAGA, BAYU PERDANA 41200 KLANG, SELANGOR<br>Penjamin 1 : NG BAK KEE - 0998158<br>NO.17 TINGKAT SENTOSA 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH<br>Penjamin 2 : TEOW MOI SENG - 570525026057<br>25 JALAN STESEN 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH

# Negeri tumpu E&E, pelancongan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang dalam tempoh tiga bulan bermula Januari lalu berada pada anak tangga ketiga selepas Johor dan Sarawak dengan pelaburan keseluruhan 21 projek bernilai RM0.85 bilion, lapor perangkaan Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Laporan itu seakan menggambarkan ketidaktentuan ekonomi yang buruk, termasuk dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E).

Bagaimanapun, sektor minyak dan gas kekal kukuh di Malaysia seperti yang dilihat dalam 24 perojek bernilai RM5.65 bilion, RM3.04 bilion melalui empat projek masing-masing di Johor dan Sarawak.

Pun begitu, Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng berpendapat industri E&E di Pulau Pinang dalam suku kedua tahun ini masih diramalkan positif.

Ini, berdasarkan laporan *Malaysian American Elektronics Industry* (MAEI) bahawa eksport E&E dijangka meningkat antara 3 hingga 4 peratus.

Tambah beliau, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang diramal oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Amerika Syarikat dalam tempoh sama turut berkembang antara 5 hingga 6 peratus.

Ujarnya lagi, Dana Pelaburan Antarabangsa (IMF) menjangkakan sektor E&E akan menjadi pasaran utama dengan peningkatan pelaburan sebanyak 1.9 peratus.

"MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) juga melaporkan pelaburan tahun ini dijangka meningkat lebih 20 peratus berbanding tahun lepas," ujarnya pada sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri turut giat memberi tumpuan pada sektor perkhidmatan seperti pelancongan demi memastikan Pulau Pinang menjadi destinasi pelaburan pelancongan di rantau ini.

Ahli Parlimen Bagan itu berkata demikian berdasarkan laporan kemasukan pelancong asing melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang selama lima tahun bermula tahun 2008.

Seramai 464,455 pelancong asing direkod masuk pada tahun 2008, 614,039 orang (2012).

"Ini menunjukkan peningkatan tahunan sebanyak 5.74 peratus dari tahun 2008 hingga tahun 2012," jelas beliau.

Berdasarkan perkembangan itu, katanya, Kerajaan Negeri akan mempercepat usaha mewujudkan lebih banyak produk pelancongan meliputi sektor pelancongan sukan, gaya hidup sihat serta pelancongan kesihatan supaya negeri berkenaan dikenali sebagai "Semua Ada di Pulau Pinang".

Demi merealisasikan hasrat yang sama, Guan Eng memberitahu, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan kerjasama *investPenang* (iP) sedang merangka pelan baru Pusat Perniagaan Penyumberan Luar (BPO) di negeri berkenaan.

"Pulau Pinang juga agresif mempromosi pelaburan dalam hub BPO dan beberapa sektor lain," ujar beliau.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng mengumumkan keputusan Kerajaan Negeri menerima permohonan Datuk Simon Wong untuk melepas jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif (EC) iP atas alasannya mahu meluangkan lebih banyak masa bersama-sama keluarga.

Ekoran itu, beliau berkata, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mencari pengganti demi mengisi jawatan tersebut.

Sebaliknya, nyata beliau, Datuk Lee Kah Choon dilantik sebagai Penasihat Khas kepada Ketua Menteri serta 'mengambil alih tugas-tugas yang dilaksanakan oleh Datuk Simon Wong'.



**DUA wakil syarikat memerhatikan bahan pameran bersempena penganjuran NEPCON Malaysia 2013 di sini baru-baru ini.**

# NEPCON Malaysia platform E&E

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAYAN BARU –** Pameran Industri Elektronik dan Elektrik (E&E), NEPCON Malaysia 2013 yang berlangsung selama tiga hari di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) baru-baru ini memberi pengalaman baru kepada banyak syarikat yang mengambil bahagian di sini.

Selain syarikat tempatan, terdapat lebih 70 peratus penyertaan adalah dari luar negara termasuk China, Jepun, Singapura, Korea Selatan dan Taiwan.

Pengarah Urusan NEPCON Malaysia 2013, Michelle Lim berkata, walaupun mengalami kesan kelembapan ekonomi global, namun, NEPCON Malaysia terus menjadi rakan kongsi utama untuk industri E&E.

"Terdapat lebih 50 syarikat-syarikat baru menyertai pameran pada tahun ini (2013) dengan mengambil kesempatan untuk melancar dan memperkenalkan produk baru masing-masing kepada pasaran serta pengunjung yang hadir.

"Selain usaha Kerajaan Negeri menarik pelaburan dalam menyokong industri ini, pemilihan lokasi di sini adalah ekoran negeri ini telah lama diiktiraf sebagai 'Pulau Silikon di daerah Timur'," ujarnya pada Majlis Pelancaran Pameran NEPCON Malaysia 2013 baru-baru ini di sini.

Hadir menyempurnakan majlis pelancaran tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Direktor *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), Azhana Mohamed Salleh, Pengurus Besar SIRIM Berhad, Abdul Basid Ramli dan Pengurus Besar *investPenang* (iP), Loo Lee Lian.

Selain pameran, turut diadakan buat julung kali adalah pertandingan *IPC Hand Soldering* yang mana juara bakal mewakili syarikat atau negara masing-masing pada Kejohanan Dunia di Las Vegas tahun depan (2014).

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, NEPCON Malaysia telah membina reputasi baik dalam kalangan industri E&E sebagai platform paling berkesan untuk pembekal antarabangsa serta tempatan melancarkan produk dan perkhidmatan masing-masing kepada pembeli tempatan mahupun serantau.


Penang Green 2013 EXPO
Heal The Earth.
Count Me In!
2013
EKSPO HIJAU PULAU PINANG
槟州绿色博览会
பினாங்கு பசுமைக் கண்காட்சி

21–22 SEPTEMBER 2013 | 10.00AM – 6.00PM
PENANG INTERNATIONAL SPORTS ARENA (PISA)

REGISTRATION FORM

Organisation / Company Name : ____
Address : ____
Contact Person : ____
Designation : ____
Telephone (office) : ____ Mobile : ____
Fax : ____ Website : ____
Email : ____
Nature of Business: ____

Would you like to organise activity/game for the Penang Green Expo 2013?

Would you like to be the sponsor of our lucky draw? ☐ Yes ☐ No

Preferred Booth Number (except for complimentary booth and promotional space):
*Kindly choose your preferred booth number base on your participation category (First Come, First Served)*

*We wish to participate as an exhibitor in Penang Green Expo 2013, and request that the following exhibit area to be reserved for our use.*

**SINGLE BOOTH**

(1) Greenbie ~~RM 2,500~~ RM 1,000
(2) Greenteen ~~RM 4,200~~ RM 1,500
(3) Greenpro RM 2,500

**SPONSOR PACKAGE**

(1) Decade Green Sponsor ( 2 Booths ) ~~RM 14,000~~ RM 6,000
(2) Century Green Sponsor ( 4 Booths ) ~~RM 23,000~~ RM 11,000
(3) Millennia Green Sponsor ( 8 Booths ) ~~RM 42,000~~ RM 25,000

FROM 50% Discount On Penang International Carnival 2014

Kindly scan/email the payment remittance and company logo to the secretariat at info@pgc.com.my

**PAYMENT**

1. Cheque : Payable to PGC Strategies Sdn bhd *(in Ringgit Malaysia)*
2. Direct to bank
   Account No : 0713 000 5775 059
   Bank's Name : CIMB Bank Berhad
   Branch : Jalan Dr. Lim Chwee Leong
   Address : Lot 33-G-08 Perangin Mall, Jalan Dr. Lim Chwee Leong, 10100 Penang

***Closing Date*** ***: 19 July 2013***

***Cancellation*** ***: No refunds will be given upon cancellation. PGC reserves the right to sell off registered booths for which no payment has been received before or on 19 July 2013***

**Authorised Signature & Company Stamp**

Kindly email a scanned copy to: info@pgc.com.my or fax to 04-250 3323(Attn to: PGC)

For more information, please call us @ 04-250 3322

*These terms and conditions are subject to change.*



**Co-Organizer :** PENANG INSTITUTE making ideas work; SUNSHINE GARDEN CENTRE SDN. BHD. 陽光園藝有限公司

# Elak bazir makanan kurang ganggu ekosistem - KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN-** Kerajaan Negeri menyeru seluruh rakyat Pulau Pinang supaya mengelakkan budaya pembaziran makanan bagi menjamin kualiti hidup lebih sempurna dan kelestarian alam sekitar yang baik.

Hal ini disuarakan sendiri Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang bertemakan *'Think.Eat.Save'* di Lebuh Pantai di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, rakyat Malaysia secara purata membuang makanan seberat 930 tan sehari atau bersamaan 93,000 kampit beras seberat 10 kilogram.

"Pembaziran makanan meningkat dua kali ganda dalam tiga tahun kebelakangan ini. Ini belum lagi dimasukkan jumlah makanan yang ditinggalkan begitu sahaja.

"Semenanjung Malaysia sahaja telah menghasilkan sebanyak 25,000 tan metrik sisa pepejal sehari di mana 48 peratus darinya adalah bahan-bahan makanan.

"Menurut sumber Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), pada tahun lepas, sebanyak 45 peratus dari 288,377 tan sisa pepejal (bahagian pulau sahaja) adalah berpunca daripada bahan makanan yang dipungut di kawasan penduduk dan tempat komersial," ujarnya pada ucapan Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



PERSEMBAHAN pancaragam sekolah yang menyerikan penganjuran Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Bersempena penganjuran yang berjaya menarik penyertaan 1,000 peserta tersebut, pameran kempen elakkan pembaziran dan kesannya kepada ekosistem serta sumber air turut diadakan pihak penganjur, *Penang Green Council* (PGC).

Turut diadakan, pertunjukkan pancaragam sekolah, gendang harmoni pelbagai kaum dan jualan cenderahati bagi mempromosikan konsep hijau.

Turut hadir Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.



SR. Rozali Mohamud (berkopiah) bersama-sama peserta Kempen Pemuliharaan melontar bola selut ke dalam sungai sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2013 di sini baru-baru ini.

## Pulihara Sungai Derhaka komitmen GMC Gamuda

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BATU KAWAN -** Inisiatif memulihara Sungai Derhaka di sini menjadi satu lagi rekod rancangan pembangunan kehijauan kendalian pemaju GMC Gamuda.

Pengurus projeknya, Bryian Lee Fong Hock berkata, pemajuan landasan kereta api berkembar dari Kuala Lumpur ke Padang Besar merentasi 90 batang sungai adalah wajar terus dipulihara.

"Menyedari hakikat itu, GMC Gamuda akan membina kolam perangkap sampah, selain menggunakan bola lumpur di kawasan-kawasan pemajuan.

"Kawasan yang dimajukan tidak boleh sampai memusnahkan sungai-sungai tersebut.

"Sungai Derhaka ini adalah CSR (tanggungjawab sosial korporat) ke arah kehijauan alam di negeri ini," ujar beliau sempena meraikan Hari Alam Sekitar Sedunia 2013 di perkarangan Depot Keretapi Tanah Melayu (KTM), Bukit Tengah di sini baru-baru ini.

Bermoto 'Fikir Hijau Sebagai Pemuliharaan, Bukan Pencemaran', pertandingan menyediakan bola selut turut dianjurkan membabitkan lebih 50 komuniti setempat.

Setiausaha bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud semasa merasmikan program itu merakamkan penghargaan kerana memulakan projek CSR kedua di negeri berkenaan.

Beliau berkata, keindahan Taman Tugu Demokrasi dekat Bagan sekarang adalah hasil inisiatif GMC Gamuda sejak beberapa tahun lepas.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, MPSP giat melaksanakan kempen nilai ke arah mengurangkan sampah di negeri berkenaan.

Itu, termasuk langkah mengkompos sampah menjadi baja.

"MPSP tidak galakkan (penyediaan) tong sampah dengan tujuan bagi menggalakkan penduduk kurangkan penghasilan sampah.

"Tahun 2009, 29.47 peratus sampah berjaya dikompos menjadi baja. (Tahun) 2011, 29.47 peratus (sampah dikomposkan)," ujar beliau.

Justeru, beliau berkata, MPSP mensasar pengurangan 5 peratus sampah berdasarkan kejayaan MPSP mengkompos 3 peratus sampah menjadi baja dalam tempoh 2009 hingga 2011.

## 22 rangkul anugerah Pejabat Hijau P. Pinang

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 22 pejabat daripada 19 organisasi swasta dan tiga agensi kerajaan diiktiraf sebagai 'Pejabat Hijau Pulau Pinang' di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, inisiatif terbaru itu dilancarkan selepas Kerajaan Negeri berjaya melaksanakan Kempen Tiada Beg Plastik Percuma dan larangan bekas makanan polistirena atau 'keranda putih' sejak beberapa tahun lepas.

Pun begitu, katanya, kejayaan yang sedia ada masih tidak memadai bagi merealisasikan impian Pulau Pinang sebagai negeri hijau pertama di Malaysia.

"Pulau Pinang kini dalam proses menjadi negeri hijau pertama di Malaysia," ujar beliau dalam Majlis Penyampaian Sijil Projek Pejabat Hijau Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap Naib Pengerusi *Penang Green Council,* PGC), Datuk Ar. Patahiyah Ismail (Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP) dan Maimunah Mohd. Sharif (Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) turut hadir pada majlis itu.

Melalui inisiatif terbaru tersebut, beliau berharap dapat memangkin pengguna di negeri berkenaan mengutamakan penggunaan produk hijau.

"Setiap pembelian mesti memberikan keutamaan kepada isi kandungan hijau. Contohnya mencetak kad nama, mesti menggunakan kertas kitar semula.

"Melalui usaha ini diharapkan dapat meningkatkan permintaan pasaran produk hijau dan sekaligus menggalakkan lebih ramai pengusaha produk hijau di Pulau Pinang," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng yang juga Pengerusi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berkata, Pulau Pinang mencatatkan sasaran kitar semula tertinggi berbanding negeri-negeri lain, iaitu berjumlah 24 peratus.

Berdasarkan pencapaian itu, beliau berkata, Kerajaan Negeri mampu mencapai 40 peratus kitar semula lebih awal sungguhpun Kerajaan Pusat mensasarkan peratusan itu pada tahun 2020 nanti.

Kerajaan Negeri melalui PGC mula melancarkan kempen Pejabat Hijau Pulau Pinang pada September tahun lepas.



SEBAHAGIAN penerima daripada syarikat swasta yang memenangi Anugerah Pejabat Hijau 2013 beramah- mesra pada Majlis Penyampaian Sijil Projek Pejabat Hijau Pulau Pinang 2013 di Auditorium A, Komtar baru-baru ini.

# Atlet judo negeri dapat tunjuk ajar juara Olimpik

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Skuad Judo Pulau Pinang yang bakal berentap di kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) ke-16 Kuala Lumpur pada 28 Jun hingga 7 Julai ini cukup bertuah kerana mendapat tunjuk ajar bekas juara Judo dari Korea, Jeon Ki Yeong di sini baru-baru ini.

Ki Yeong merupakan juara Sukan Olimpik Atlanta 1996 dan turut memenangi enam kejohanan utama termasuk Kejohanan Dunia sebelum bersara pada tahun 1999.

Kem latihan yang berlangsung dari 4 hingga 7 Jun lalu di *Penang Gold Club* di sini secara keseluruhannya memberi tunjuk ajar kepada para atlet muda mengenai teknik dan taktik sukan judo. Selain itu, Ki Yeong turut berkongsi pengalaman serta memotivasikan para atlet terlibat.

Susulan itu, Presiden Persatuan Judo Pulau Pinang, Jhonny Khoo mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) kerana berusaha merealisasikan hasrat pasukannya.

"Terima kasih kepada Pengarah MSNPP, Federick Tan kerana berjaya menganjurkan kem ini sebagai persediaan terbaik kepada atlet-atlet muda negeri menghadapi cabaran kejohanan nanti.

"Pada masa sama, saya juga berharap suatu hari nanti Pulau Pinang dapat membina sebuah pusat seni bela diri bagi membolehkan atlet-atlet sukan tempur negeri berlatih di lokasi sama," ujarnya pada peganjuran sesi latihan khas berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut sependapat adalah Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng.

"Ini adalah bagi bagi melibatkan lebih ramai masyarakat di negeri ini dalam sukan seni bela diri," kata beliau.



**CHONG Eng (barisan belakang, lima dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama pasukan judo Pulau Pinang yang menyertai kem latihan khas sebagai persediaan berentap di SUKMA Kuala Lumpur di sini baru-baru ini.**

## Majlis makan malam rai 70 atlet angkat berat



**SEBAHAGIAN hadirin yang hadir pada majlis makan malam bersempena Perasmian Kejohanan Angkat Berat Terbuka Kebangsaan 2013 di MSNPP di sini baru-baru ini.**

**BATU UBAN -** Seramai 70 orang atlet angkat berat seluruh negara diraikan pada satu majlis makan malam bersempena Perasmian Kejohanan Angkat Berat Terbuka Kebangsaan 2013 bertempat di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) di sini baru-baru ini.

Menurut Presiden Persekutuan Angkat Berat Malaysia, Datuk Ong Poh Eng, pecahan penyertaan atlet pada kejohanan tersebut adalah seramai 49 lelaki dan wanita (21) membabitkan 16 pasukan.

"Seperti sedia maklum, kejohanan kali ini bertujuan memilih atlet berdaya saing bagi menjadi pelapis negara bagi sukan Angkat Berat ataupun mewakili negara dalam Sukan SEA ke-27 di Singapura.

"Saya berharap semua peserta dalam keadaan cukup bersedia. Jikalau anda kalah, diharap tidak berputus asa, malah, teruskan perjuangan dalam mengejar cita-cita mewakili negara lantas mengharumkan nama negara di persada dunia," katanya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Tambah Poh Eng, beliau percaya bahawa dengan keinginan untuk berjaya, seseorang atlet perlu berbekalkan usaha dan disiplin, maka tiada impian yang mustahil.

"Jangan dilupa juga, Pulau Pinang merupakan negeri yang cukup menarik.

"Luangkanlah masa untuk mengunjungi tempat-tempat menarik serta menikmati makanan yang enak seperti nasi kandar, laksa, *char koay teow* dan banyak lagi," ujar beliau.

Turut hadir, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng.

Turut diadakan secara serentak adalah majlis penyerahan tugas ringkas oleh bekas Exco, Lydia Ong Kok Foi kepada Eng.

GEORGE TOWN FESTIVAL 2013
Penang, Malaysia



PRO MUSICA
GALA CONCERT
6 JULY | 8.30 PM | DEWAN SRI PINANG

Pro Musica returns to George Town Festival programming this year with four outstanding international singers : Julie Mossay ( Belgium, soprano ) , Ines Madeira ( Portugal, mezzo soprano ) , Enrico Casari ( Italy, tenor ), Laurent Kubla ( Belgium, bass/baritone ) with a repertoire by Handel, Puccini, Verdi, Gounod, Bernstein and Donizetti.

RM 40 RM 60 RM 80
RM 20 student 50% discounts senior citizens

PRO MUSICA
MINI CONCERT
4 JULY | 8.30 PM | MPPP TOWN HALL

Pro Musica Mini Concert features a series of solo recitals from an intensive and auditioned voice and music masterclass for students around the region.

An immersive guided programme for young singers, guided by the eminent vocal instructor Madam Loh Siew Tuan, and support from instroctors Hein Boterberg, Benoit de Leersnyder from the Flanders Operastudio in Belgium.

RM 30 RM 10 student
50% discounts senior citizens





BUY PRO MUSICA GALA CONCERT TICKET
&
STAND A CHANCE TO
WIN RETURN AIR TICKETS

KOH SAMUI | MEDAN | KUANTAN | SUBANG | KOTA KINABALU

firefly

georgetownfestival.com
info@georgetownfestival.com +604 261 6308

# Pak Tam tidak 'lokek' ilmu ternak kambing

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**

**UNIKNYA**, kandang kambing milik Pak Tam atau nama sebenar, Mohd. Anwar Che Mat, 36, adalah terletak bersebelahan (bersambung) dengan dapur kediamannya.

Bertambah unik adalah tiada bau busuk yang dihidu di persekitaran tersebut walaupun terdapat lebih 70 ekor kambing daripada enam jenis baka dibela secara komersial untuk penjualan daging dan susu di sini.

Rahsianya, menurut Pak Tam adalah hasil daripada kajian beliau sendiri berhubung penggunaan semburan produk *Effective Microorganisms* (EM) yang diperkenalkan Kerajaan Negeri kira-kira empat tahun lalu.

"Sebelum ni, saya gunakan sabun Dettol. Tapi, harganya terlalu mahal.

"Tapi, selepas Kerajaan Negeri memperkenal serta mempromosikan penggunaan produk EM yang jauh lebih murah, saya berasa lega. Kesannya adalah lebih efektif yang mana ia dapat mengelakkan bau busuk dan lalat daripada membiak di kandang kambing," katanya ketika diwawancara Buletin Mutiara (BM) di kediamannya di Sungai Semambu, Penanti, Seberang Perai Tengah.

Setelah 12 tahun berkecimpung dalam bidang penternakan tersebut, Pak Tam yang amat peramah dan petah bercakap menyatakan bahawa beliau sanggup berkongsi pengalaman serta panduan penternakan kambing dengan mana-mana pihak berminat.

Jelas beliau, selain menambah kenalan, ia juga mampu mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan penternak.

"Lagi ramai orang bela lagi seronok. Sebab, nanti kita sama-sama boleh belajar dan bertukar-tukar idea serta baka.

"Malah, apabila tiba musim perayaan, sekiranya bekalan sendiri tidak dapat tampung, kita boleh *call member* untuk tampung permintaan supaya tidak mengecewakan pelanggan," jelas Pak Tam yang menjadikan bidang berkenaan sebagai profesion separuh masanya.



KAMBING-kambing yang diternak.



PAK Tam bersama kambing kesayangannya, John yang berusia dua tahun setengah.



PAK Tam menunjukkan salah seekor kambing dari baka kacukan.

Beliau yang berkhidmat di sebuah agensi pelancongan menyatakan bahawa pada peringkat permulaan, penternakan terbabit adalah dijalankan oleh arwah bapanya yang pernah berkhidmat sebagai Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Saya memang hargai jasa Pak. Kalu Pak tak mula buat, memang tidak akan menjadi," kenangnya.

Bercerita lebih lanjut, Pak Tam menyatakan bahawa bidang penternakan memerlukan kesabaran yang tinggi.

Selain berdepan dengan masalah penyakit haiwan-haiwan ternakan, para penternak juga terpaksa berhadapan dengan masalah kenaikkan harga bahan-bahan makanan dan ubat-ubatan di pasaran.

"Antara penyakit yang sering menyerang kambing-kambing ternakan adalah perut kembung, kutu, sakit mata dan kuku. Semua penyakit ini tidak boleh elak.

"Apa yang boleh dibuat adalah jaga kebersihan kandang yang mana ia perlu dicuci setiap hari dan kemudian sembur EM dan pada masa sama letakkan juga EM dalam minuman kambing.



RUMPUT yang diselang-selikan dengan makanan pelet.

"Pada setiap empat bulan, kambing-kambing ternakan juga perlu diperiksa dan diberikan ubat cacing. Malah, dari semasa ke semasa, kambing-kambing juga perlu diberi makan vitamin, dicucuk ubat tahan penyakit," ujar Pak Tam.

Menyentuh mengenai pemakanan kambing, Pak Tam menyatakan bahawa bagi memastikan kesihatan optimum kambing, pemakanan seimbang adalah perlu diamalkan iaitu diselang-selikan makanan pelet dengan rumput, daun goncak, daun nangka, petai belalang, daun kelapa, daun sawit dan lain-lain.

"Tempoh matang kambing (tumbuh gigi baru) adalah setahun lima bulan. Kambing dibiak sebanyak dua kali dalam setahun dan tahap bunting adalah lima bulan 10 sehari," jelas beliau.

Pak Tam memberitahu, berbanding kambing kampung, jumlah daging baka kambing kacukan adalah lebih banyak.

"Bagi kambing kacukan yang memiliki berat 35 kilogram (kg), jumlah daging yang dapat diperoleh adalah sebanyak 180 ketul, manakala, 40 kg ke atas adalah lebih 200 ketul.

"Bagi pasaran susu, kambing kacukan jenis *Saenna* adalah jenis kambing susu yang dibela di sini. Kini, hanya terdapat dua ekor kambing jenis ini dan pasaran susu hanya tertumpu di sini sahaja," kata Pak Tam yang menggalakkan supaya anak-anak muda menceburi bidang berkenaan.

Dianggap sebagai orang lama dalam bidang ternakan tersebut, Pak Tam menyeru supaya pihak kementerian memantau harga jualan makanan pelet kambing.

Ini kerana, jelasnya, pada tahun 2002, harga kilang makanan pelet seberat 50 kg adalah RM18.50. Kini, dengan kuantiti sama, harganya meningkat kepada RM48.00.

Dalam pada itu, beliau turut tidak menafikan bahawa bidang tersebut turut memperuntukkan keperluan modal yang tinggi termasuk peruntukan kayu kandang yang secara puratanya perlu ditukar setiap tahun (berperingkat) kerana reput.

Bagaimanapun, baginya, ia adalah sebahagian cabaran yang terpaksa dihadapi dan ia langsung tidak menjejaskan minatnya dalam bidang penternakan yang mendatangkan kepuasan pada diri beliau.

**INFO :**
**019 – 431 9171**

# Chong Eng 'arkitek' Briged Wanita

**BELIAU** dikenali sebagai salah seorang ahli politik yang sangat cakna dengan keharmonian gender.

Isu pembelaan wanita dan anak-anak asuhan menjadi salah satu isu yang senantiasa basah di bibirnya.

Dalam tempoh lebih dua dekad ini, kelantangannya menentang diskriminasi serta keganasan gender tentunya menarik perhatian banyak pihak.

Maka, tidak hairanlah beliau diberi kepercayaan bertanding di Parlimen Bukit Mertajam pada tahun 1999 dan menang.

Selama tiga penggal menyertai Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2008, beliau memenangi sebagai Ahli Parlimen Bukit Mertajam.

Dalam sesi penggal pentadbiran lepas lagi, beliau diberi beberapa peranan khusus mengenai peranan pembangunan wanita dalam dimensi Kerajaan Negeri.

Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 baru-baru ini, beliau diturunkan bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Padang Lalang pula bagi mengukuhkan kepemimpinan Kerajaan Negeri.

Selepas menang, beliau diangkat menjadi Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti.

Beliau tidak lain tidak bukan, Chong Eng.

Chong Eng berkongsi serba sedikit mengenai hasrat Kerajaan Negeri menubuhkan Briged Wanita Pulau Pinang semasa diwawancara secara eksklusif oleh wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB.**

**Briged Wanita**

"Penubuhan Briged Wanita ini selepas kejayaan kita menggerakkan Pertubuhan Tadbir Urus Baik dan Kesaksamaan Gender (3Gs) dan penasihat pada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

"Caranya (Briged Wanita) operasi ada persamaan dengan JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) dan PPS (Pasukan Peronda Sukarela), tetapi, tugasannya dan peranannya sedikit berlainan.

"(Antara kelainannya) untuk pendaftaran ibu tunggal kerana kita nak beri sumbangan emas RM100 setahun, ujar beliau di Komtar, di sini.

"Dia (Briged Wanita) juga akan menjalankan pendaftaran memogram percuma...dan satu lagi (pinjaman) mikro kredit (yang membabitkan wanita)," ujarnya.

Oleh kerana urusan utama adalah menyentuh kepentingan wanita sahaja, beliau berkata, eloklah Briged Wanita yang menguruskannya.

"Ini semua berkaitan wanita dan wanita paling sesuai untuk mengendalikannya," ujar beliau.

Di sebalik penubuhan Briged Wanita, Chong Eng mahu wanita lebih berperanan dalam pembangunan negeri.

"Kita harap peranan wanita lebih diperkayakan, (maka) pendidikan dan penerapan kefahaman mengenai gender mereka perlu dimulakan," ujar beliau sambil memberitahu bahawa Briged Wanita adalah hasil buah fikiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.



CHONG Eng (kanan) sedang diwawancara Zainulfaqar Yaacob di pejabatnya di sini baru-baru ini.

**Pengasas PWDC, 3Gs**

Menerusi PWDC, Belanjawan Bertanggungjawab Gender (GRB) diperkenalkan pada penggal pentadbiran lepas dan Chong Eng salah seorang 'arkitek gender' itu.

Menerusi program ini, belanjawan khususnya peringkat setempat ditentukan menerusi keperluan gender.

Bajet ini ke arah memenuhi keperluan, lelaki perempuan, tua muda, kanak-kanak dan pelbagai lapisan masyarakat.

"Program ini diperkenalkan supaya semua pihak lebih aktif dalam peringkat membuat keputusan, sama ada di peringkat bawahan, dalam JKKK atau pun di peringkat kerajaan tempatan," ujarnya.



CHONG Eng.

Beliau berkata, kewujudan Briged Wanita Pulau Pinang adalah inisiatif Kerajaan Negeri mempersiap gerakan kesukarelawan.

"Ini lebih pada gerakan sukarelawan di mana Briged Wanita tiada elaun khusus (diberikan)," jelas beliau.

**Kanak-Kanak**

Chong Eng berkata, beliau akan meneruskan satu projek yang tergendala ada sesi penggal pentadbiran lepas, iaitu mewujudkan pusat asuhan anak-anak kakitangan kerajaan sendiri di Komtar, di sini yang menempatkan bangunan pentabdiran Kerajaan Negeri.

"Cadangan kita di tingkat empat, Komtar," ujar beliau.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya cuba untuk membina unit pembelaan kanak-kanak.

"Sebenarnya memang ada cadangan untuk satu portfolio khusus untuk kanak-kanak, membolehkan Kerajaan Negeri memberi bantuan kepada kanak-kanak yang didera dan sebagainya. Itu semua masih di peringkat cadangan.

"Buat masa ini, kita sebenarnya sedang membuat penilaian semula segala inisiatif Kerajaan Negeri khusus untuk kanak-kanak sebelum apa juga cadangan dikemukakan selepas ini," katanya.

**Harapan**

Chong Eng memberitahu, beliau bersyukur kerana dikurniakan dua cahaya mata lelaki hasil perkahwinan campur dengan K. Gunabalan.

"Saya lahir dari keluarga penoreh getah di sebuah negeri. Saya ada 10 adik-beradik, enam perempuan dan empat lelaki.

"Dalam keluarga ada kerja yang hanya orang perempuan lakukan ada kerja orang lelaki tidak melakukannya.

"Ini banyak mendidik saya mengenai kesaksamaan gender. Ini banyak memberi inspirasi kepada saya untuk memastikan keharmonian gender boleh diwujudkan di mana-mana, termasuk di negeri ini," ujar beliau.

Di Universiti, katanya, beliau belajar mengenai hak-hak wanita yang disaksamakan.

"Di situlah (Universiti), saya menaruh minat untuk memperjuangkan kesaksamaan gender. Semasa menyertai badan bukan kerajaan (NGO) pun, saya menggerakkan perjuangan ini.

"Sehinggalah saya terjun dalam arena politik (kepartian) pada tahun 1991. Sejak itu, perjuangan gender ini saya ketengahkan melalui arena politik," tegasnya.

Selepas sekian lama mengangkat isu-isu berkaitan wanita, beliau berkata sekaranglah masanya untuk 'cakap serupa bikin'.

# MPPP sedia bajet hasil maklum balas umum

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) kini sedang dalam peringkat awal penyediaan dan kaji selidik bajet untuk tahun 2014, kata Yang diPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail di sini baru-baru ini.

Menurutnya, selaras itu, MPPP berpandangan bahawa penglibatan orang awam dalam memberi maklumbalas adalah amat diperlukan.

"Maklum balas ini akan membolehkan MPPP menyediakan satu bajet yang menyeluruh dan dapat dimanfaatkan oleh keseluruhan penduduk Pulau Pinang.

"Malah, diharapkan bajet yang disediakan untuk sesuatu perkhidmatan dan projek akan lebih berkesan dan orang awam bakal bersama-sama prihatin terhadap kemudahan berkaitan demi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang makmur, bersih dan selamat," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Patahiyah, penglibatan orang awam adalah sebagai salah satu cara untuk membuka ruang dan minda pihak terbabit bahawa penyediaan perkhidmatan yang berkesan adalah menjadi tanggungjawab bersama dan bukannya hanya terletak kepada pihak kerajaan mahupun pihak berkuasa tempatan (PBT) semata-mata.

"Adalah diharapkan orang ramai dapat memberikan input dan berkongsi buah fikiran bersama-sama MPPP ke arah menyediakan bajet yang baik dan efektif.

"Sebelum ini, kita hanya memberikan tempoh dua minggu untuk orang awam kemukakan cadangan tetapi untuk tahun 2014, kita buka peluang selama sebulan sehingga 10 Julai ini," katanya.

Maklum balas adalah secara atas talian melalui web rasmi *www.mppp.gov.my* dan segala data adalah sulit serta persendirian.

*(Links:https://docs.google.com/forms/d/1NFn4aDNkA72hEU87LjwN-4fcwTr_hE0LqTCdG_mIyU4/viewform)*

Bagi sebarang pertanyaan boleh hubungi:

a. Ketua Unit Hasil, Suhaida Kamalul-Ariffin, *suhaida@mppp.gov.my* atau talian 04 - 259 2120.

b. Akauntan (Belanjawan dan Akaun), *tbluan@mppp.gov.my* atau talian 04 - 259 2121.

c. Penolong Akauntan (Belanjawan dan Akaun), *su2@mppp.gov.my* atau talian 04 - 259 2140.



AR. Patahiyah Ismail (kiri) bersama Suhaida Kamalul-Ariffin (kanan) menunjukkan contoh kaji selidik Bajet 2014 pada sidang media di sini baru-baru ini.

# Turun papan iklan bahaya, tanpa lesen

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan mula menurunkan papan iklan tanpa lesen, khususnya yang didirikan secara berbahaya.



L. Prem Anand

Ahli Majlisnya, L. Prem Anand berkata, langkah itu demi mengelak insiden terbaru mengenai runtuhan konkrit penebat kilat dari atas bumbung bangunan Menara UMNO Pulau Pinang dekat Jalan Macalister di sini berulang.

"Selama dua tahun untuk mereka (pemilik papan iklan) buat 'pemutihan' (memohon lesen), tetapi, mereka gagal.

"Kita tak mahu insiden (seperti) di Jalan Macalister berulang," tegasnya dalam satu sidang media selepas menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Papan Iklan MPPP.

Beliau berkata, pada tahun ini, sebanyak 32 permohonan papan iklan sahaja diluluskan.

Menurut beliau, langkah penguatkuasaan terhadap pemilik papan iklan tanpa lesen tersebut adalah demi keselamatan pelanggan serta mampu menambah lagi sumber pendapatan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Katakanlah sewa satu papan iklan di Padang Brown (dekat Datuk Keramat) RM5,000 sebulan, ertinya MPPP boleh mendapat sumber RM60,000 setahun.

"Di situ, ada papan iklan tanpa lesen sampai 10 tahun, bayangkan berapakah keuntungan yang sepatutnya MPPP peroleh untuk satu papan iklan sahaja, tetapi, dikaut oleh syarikat pengiklanan terbabit," ujar beliau sambil memohon MPPP supaya tidak berlembut lagi dengan pihak berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya menganggarkan hampir 500 papan iklan tanpa lesen didirikan di sekitar pulau negeri ini.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kanan) berinteraksi dengan mahasiswa-mahasiswi dari Hong Kong sambil diperhati Sr. Rozali Mohamud (paling kanan, berkopiah) pada lawatan sambil belajar di sini baru-baru ini.

# 30 siswa, pensyarah Hong Kong lawat MPSP

**BUKIT MERTAJAM -** Lebih 30 mahasiswa dari *College University of City* dekat Hong Kong mengadakan lawatan sambil belajar ke Pulau Pinang, antara lain mengenai tadbir urus mesra pelanggan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini

Mereka diiringi Pensyarah Jabatan Sains Sosial universiti berkenaan, To Ho-Pong dan Parry Leung Pak Nang.

Pak Nang berkata, tadbir urus MPSP sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) seakan memberi lebih partisipasi kepada pelanggan dalam menentukan hala tuju perbandaran Seberang Perai, berbanding di negaranya.

Justeru, katanya lagi, tidak hairanlah sekiranya para penuntutnya menyimpan cita-cita untuk berkunjung lagi ke Pulau Pinang selepas mengikuti lawatan selama dua hari di negeri berkenaan dan ibu negara, Kuala Lumpur.

Beliau turut memuji pendekatan MPSP dalam menghargai partisipasi pelanggan seperti mengiktiraf peranan '*MPSP Watch*' menerusi *facebook* serta aplikasi '*BetterPenang*' menerusi telefon mudah alih *iPhone*.

Sebelum itu, mereka saling berinteraksi dengan Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud.

Rozali berkata, warga Seberang Perai yang membayar cukai layak menerima hak sebagai pelanggan MPSP.

"Sesetengah orang (PBT) berasa mereka tidak perlu dirujuk kembali untuk sebarang pendapat yang mereka lontarkan.

"Tetapi, kita (MPSP) cuba untuk menjelaskan kepada mereka (pelanggan) bahawa ia (hak untuk memberikan pendapat) itu adalah hak mereka sebagai pembayar cukai dan kita (MPSP) akan melaksanakannya," ujar beliau di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, partisipasi pelanggan menerusi media sosial seperti *facebook* sebenarnya banyak membantu MPSP menyediakan perkhidmatan terbaik untuk warga setempat.

Maka, beliau memberitahu, setiap pelanggan yang berwajib sebenarnya dianggap sebahagian daripada 'keluarga MPSP' sendiri.

Selepas menikmati jamuan tengah hari, delegasi tersebut diramahi oleh Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif.

# Aniaya anjing bukan angkara MPSP - Maimunah

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM** - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sendiri membawa dua anak anjing yang dilaporkan menerima penderaan baru-baru ini ke pusat Persatuan Mencegah Kekejaman Terhadap Haiwan (SPCA).

Respons Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif itu sekaligus menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit mendera kedua-dua anjing berkenaan.

"Pengadu (dikenali sebagai Encik Kee) sendiri mengesahkan terdapat kecederaan pada leher anak anjing tersebut sebelum ditangkap oleh MPSP.

"Sebenarnya pegawai MPSP sendiri proaktif dengan membawa anak anjing tersebut terus ke SPCA Seberang Perai dari Taman Industri Bukit Minyak (lalu) diserah kepada petugas di situ," jelas beliau baru-baru ini di sini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Dr. Romli Awang (Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, MPSP) turut hadir pada sidang media tersebut.



(Dari kiri), SR. Rozali Mohamud, Maimunah Mohd. Sharif dan Dr. Romli Awang menunjukkan keratan berita Bahasa Inggeris yang mendakwa MPSP melakukan penderaan ke atas dua anak anjing di sini baru-baru ini.

Pada 27 Mei lepas, Richard Ong dalam satu kenyataan media dilaporkan mendakwa terdapat dua ekor anak anjing kurus ditangkap dan ditempatkan di paun sementara majlis dekat Jalan Betik di sini.

Pelanggan MPSP itu berkata, kedua-dua anjing itu ditemui kurus serta terdapat jerutan wayar aluminium pada leher hatta luka.

Ekoran itu, akhbar arus perdana berbahasa Inggeris pada 30 Mei lepas melaporkan, "Aktivis kutuk penjagaan kejam anjing".

Dr. Romli dalam reaksi spontan sehari kemudian dilaporkan membuat siasatan kesihatan ke atas dua ekor anak anjing tersebut.

Hasil siasatan, Romli mengesahkan bahawa anjing tersebut dikesan luka sebelum ditangkap oleh pihak MPSP lagi.

# Respons pekerja am tubuh jawatankuasa spesifikasi MPSP

**BERTAM -** Pentadbir Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyambut baik inisiatif persatuan sekerjanya mengadakan interaksi dua hala membabitkan pekerja am peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) baru-baru ini.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, pertemuan sebegitu membantu jawatankuasa kecil spesifikasi untuk menyediakan peralatan bersesuaian dengan kehendak pekerja am majlis.

"Idea penubuhan jawatankuasa (kecil) spesifikasi ini sebenarnya adalah hasil interaksi dua hala dengan pekerja-pekerja am peringkat operasi sendiri.

"Kadang-kadang, kita membeli peralatan baru untuk kemudahan bekerja, tetapi, tidak sesuai dengan kehendak pekerja kita.

"Jadi, jawatankuasa (spesifikasi) ini akan mendapatkan maklum balas pekerja am terlebih dahulu mengenai peralatan yang diperlukan oleh mereka sebelum kita (pentadbiran) membeli," ujarnya di depan hampir 500 pekerja am sekitar SPU di dewan Kompleks Sukan MPSP di sini.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (berdiri) menyampaikan ucapan sebelum berlangsungnya interaksi dua hala dengan pekerja-pekerja amnya di sini baru-baru ini.

Hampir semua Ketua Jabatan MPSP hadir pada majlis interaksi dua hala tersebut.

Difahamkan, Maimunah sebelum itu turut menghadiri majlis serupa peringkat SPT dan SPS.

Maimunah berkata, kejayaan tadbir urus MPSP selama ini pun sebenarnya tergantung kepada sikap kebersamaan serta kebertanggungjawaban dalam kalangan majikan dan pekerja.

Justeru, beliau berkata, MPSP akan terus memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang benar-benar layak sahaja demi meningkatkan kualiti tadbir urus majlis.

## Karnival Haiwan Kesayangan terap masyarakat prihatin

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BUKIT MERTAJAM –** Karnival Haiwan Kesayangan Seberang Perai anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini adalah bertujuan mewujudkan masyarakat yang prihatin terhadap kebajikan haiwan kesayangan serta berusaha menangani masalah haiwan terbiar.

Karnival diadakan di Pejabat Cawangan MPSP Jalan Betek itu turut melibatkan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO), Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan (SPCA), *Save Our Strays* (SOS) dan *Mercy Prai*.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, penganjuran karnival tersebut adalah sebagai langkah jangka panjang bagi pihak MPSP dalam mengurangkan populasi haiwan terbiar.

"Ini selaras dengan usaha bagi mengelakkan wujudnya pandangan negatif daripada segelintir masyarakat terhadap cara MPSP menangani isu haiwan terbiar," ucapnya pada Karnival Haiwan Kesayangan Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Pertandingan melukis kanak-kanak, program pemandulan, *puppies adoption* dan taklimat kesedaran adalah antara aktiviti yang dijalankan bersempena karnival berkenaan.

Menurut Maimunah, aduan berkaitan isu anjing terbiar yang semakin bertambah setiap hari memerlukan satu mekanisme pencegahan efektif.

"Mengikut statistik MPSP, penangkapan anjing liar bertambah dari tahun ke tahun.

"Pada tahun 2010, sebanyak 3,746 ekor anjing terbiar ditangkap dan meningkat pada tahun 2011 (3,757), 2012 (5,575) dan sehingga bulan Mei 2013 (1,923)," ujarnya.



SALAH seorang pengunjung yang hadir bersama haiwan peliharaannya pada penganjuran Karnival Haiwan Kesayangan MPSP di sini baru-baru ini.

# ADUN segerakan kerja pembersihan

**SERI DELIMA –** Bertindak daripada aduan penduduk Taman Tun Sardon di sini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer bersama petugas Pusat Khidmat ADUN turun padang bagi menyelesaikan masalah dihadapi pihak berkaitan baru-baru ini.

Kata Rayer, terdapat aduan daripada penduduk di kawasan sekitar Masjid at-Taqwa yang mana kawasan belakang masjid ditumbuhi semak-samun meliar.

"Sebagai langkah awal, kita akan mempercepatkan tindakan menebas lalang dan semak-samun di sini," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, pohon-pohon dan tumbuhan liar telah menimbulkan kebimbangan jemaah masjid tersebut.

"Melihat keadaan semak-samun, kemungkinan akan menjadi habitat haiwan berbisa seperti ular dan mungkin menjadi tempat pembiakan nyamuk.

"Kita akan mempercepatkan keja-kerja pembersihan di kawasan belakang masjid ini dengan segera demi keselamatan penduduk," ujar beliau.



R.S.N Rayer meninjau kawasan belakang Masjid at-Taqwa yang ditumbuhi pohonan liar di sini baru-baru ini.

# Persatuan Bomba Sukarela Batu Maung perlu dana RM405,800



SEBAHAGIAN ahli Persatuan Bomba Sukarela Batu Maung bergambar kenangan bersama-sama Abdul Malik Abul Kassim (berdiri, enam dari kiri) dan Sim Tze Tzin (berdiri, lima dari kanan) di sini baru-baru ini.

**Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Penubuhan Persatuan Bomba Sukarela Batu Maung dilihat amat mustahak memandangkan Balai Bomba dan Penyelamat paling hampir dengan kawasan Batu Maung adalah di Jalan Tengah iaitu kira-kira 30 minit perjalanan ke Batu Maung.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Katanya, bomba sukarela adalah barisan hadapan saat berlakunya krisis ataupun bencana.

"Mereka (bomba sukarela) adalah orang pertama yang akan datang membantu umum saat berlakunya bencana.

"Mereka akan membantu sementara pasukan Bomba dan Penyelamat tiba," jelas beliau.

Abdul Malik memberitahu, kini persatuan yang beribupejabat di Hadapan No. 25 (U1), Lebuh Raya Batu Maung, Taman Iping di sini dalam usaha mengumpul dana sejumlah RM405,800 untuk membeli kelengkapan bagi kerja-kerja penyelamatan.

"InshaAllah, Kerajaan Negeri akan cuba membantu di samping ehsan orang awam.

"Persatuan Bomba Sukarela Batu Maung adalah pasukan bomba sukarela yang pertama ditubuhkan bagi daerah Barat Daya," katanya yang juga merupakan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dalam pada itu, jurucakap Persatuan Bomba Sukarela Batu Maung, Tan Ah Lay yang juga merupakan seorang bekas ahli bomba berkata, sehingga hari ini, seramai 40 ahli bomba sukarela telahpun mengikuti kursus dan memperoleh sijil dari Jabatan Bomba dan Penyelamat.

"Kini, kita telah mempunyai lebih daripada 100 ahli bomba sukarela yang sedia membantu pasukan bomba melakukan kerja-kerja menyelamat.

"Seperti semua maklum, Batu Maung mempunyai 20,000 penduduk dan kebanyakan mereka tinggal di rumah papan," ujar beliau.

Persatuan Bomba Sukarela Batu Maung telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 pada 7 Mac 2013 lalu.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

## ADUN luang masa riadah bersama penduduk



GAYA Mohd. Rashid Hasnon ketika mencuba aktiviti menembak pada penganjuran Karnival Mini Auto Show di sini baru-baru ini.

**AKTIF...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Mohd. Rashid Hasnon bukan sahaja banyak terlibat dalam program kepimpinan dan kaunseling, malah turut aktif dalam aktiviti kesukanan.

Baru-baru ini, Mohd. Rashid yang juga merupakan Timbalan Ketua I turut meluangkan masa menjadi pengadil pertandingan mewarna yang diadakan di Uptown Bayan Baru, sempena Karnival Mini Auto Show.

Sejurus selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan mewarna, Mohd. Rashid juga sempat mencuba aktiviti menembak menggunakan senapang *'paintball'* dan beramah mesra dengan para pengunjung serta peniaga di sini.

# Rumah rosak segera dibaiki

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PENANTI** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti mengambil inisiatif pantas membaiki rumah-rumah yang terjejas ekoran kejadian angin kencang di sini baru-baru ini.

"Alhamdulillah, sekarang kita dalam proses membaiki rumah-rumah yang terjejas.

"Sebagai wakil rakyat, InshaAllah, kita akan terus membantu, dari hati ke hati rakyat," kata ADUN terbabit, Dr. Norlela Ariffin di sini baru-baru ini.

Akibat kejadian ribut kencang baru-baru ini, kira-kira tujuh rumah di sini mengalami kerosakan teruk seperti bumbung diterbangkan dan sebahagian dihempap pokok.

Antara kawasan paling banyak terjejas adalah di Kubang Semang, Sungai Semambu dan Tanah Liat di sini.

Beliau dalam pada itu bersyukur tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

"Alhamdulillah, dalam kejadian baru-baru ini tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

"Saya bersama penghulu Penanti, telah turun meninjau dan menghulurkan bantuan kewangan bencana bagi membantu meringankan bebanan penduduk yang terjejas," ujar beliau.



KEADAAN bumbung yang rosak akibat kejadian ribut kencang di sini baru-baru ini.

## Seminar bimbing minda untuk pelajar



SEBAHAGIAN pelajar cemerlang bergambar bersama-sama Abdul Malik Abul Kassim (enam dari kiri) pada penganjuran Seminar Motivasi 'Aku Bukan Genius' di sini baru-baru ini.

**BATU MAUNG** – Bagi membimbing minda pelajar khususnya mereka yang bakal menduduki peperiksaan utama negara, Pejabat Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Motivasi 'Aku Bukan Genius' di sini baru-baru ini.

Seminar tersebut disampaikan jurutera berkelulusan Univeristi Teknologi Malaysia (UTM), Mohamad Abu Huzaifah.

Turut diraikan adalah 11 pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi kawasan Batu Maung.

ADUN Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, kepentingan menuntut ilmu adalah dituntut ke atas semua individu demi jaminan masa hadapan.

"Tiada jalan singkat untuk beroleh kejayaan, usaha, usaha dan usaha adalah perlu.

"Jangan pernah jemu, itulah resipi kejayaan," ucapnya yang turut menekankan aspek pendidikan dalam teras perkhidmatan beliau di sini baru-baru ini.

Selain mempelajari teknik peta minda yang mudah dan jelas bagi membantu daya ingatan para pelajar, turut didedahkan pada penganjuran berkenaan adalah pengurusan masa.

## Jasa pasukan keselamatan dikenang



WONG Hon Wai (tiga dari kanan) bersama-sama sebahagian anggota-anggota keselamatan yang turun padang membantu para penduduk di sini baru-baru ini.

**TAHNIAH...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai mengucapkan tahniah kepada Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Desa Mawar, Kampung Melayu dan Pasukan Bomba Sukarela Bukit Bendera ekoran komitmen mereka membersihkan sisa-sisa pokok tumbang ekoran kejadian ribut kencang di sini baru-baru ini.

"Terima kasih kepada mereka kerana membantu penduduk di sini membersihkan pokok-pokok tumbang di jalan-jalan dan laluan kenderaan sekitar Air Itam.

"Tindakan pantas mereka bukan sahaja memberi keselesaan kepada pengguna jalanraya di sini, malah juga mampu mengelakkan terjadinya kemalangan jiwa," katanya di sini baru-baru ini.

Dalam kejadian baru-baru ini, beberapa kawasan sekitar Jalan Zoo, Jalan Pisang Tanduk dan Kampung Baru terjejas dan mengalami kesesakan kerana terdapat pokok-pokok yang tumbang dan menghalang laluan kenderaan.

"Inilah semangat yang kita mahukan ketika menghadapi bencana.

"Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh," ujar Hon Wai.


HARI PELADANG, PENTERNAK, NELAYAN & KARNIVAL KOPERASI
விவசாயி, கால்நடை வளர்ப்பாளர், மீனவர்கள் தினம்
&
கூட்டுறவு விழா
农民、畜牧业者、渔民日
及
合作社嘉年华
3-7 JULAI 2013
10 pagi hingga 10 mlm
TAPAK EKSPO SEBERANG JAYA
PULAU PINANG KE ARAH KELESTARIAN organik
3 JULAI
★ Pameran dan Jualan
★ Pertandingan Hasil Pertanian
★ Pertandingan Terrarium, "Kitchen Garden" dan Miniature Garden
4 JULAI
★ Pameran dan Jualan
★ Seminar Organik
★ Majlis Perasmian HPPN& KK 2013
5 JULAI
★ Pameran dan Jualan
★ Konvensyen HPPN 2013
6 JULAI
★ Pertandingan Memancing
★ Pertandingan Seni Suara Burung
★ Pertandingan Mewarna
★ Pameran dan Jualan
★ Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Hasil Pertanian, Terrarium, Kitchen Garden dan Miniature Garden
★ LC Motor Show
★ Bakat HPPN & KK 2013 (Saringan)
★ Persembahan Pentas
★ Penampilan Khas Juara Piala FAM "Penang Panthers"
7 JULAI
★ Pameran dan Jualan
★ Jobs Malaysia
★ Pertandingan Memasak
★ Final Bakat HPPN& KK 2013
sebarang pertanyaan sila hubungi :
017 - 496 1370 / 012 - 538 4726
moa INCORPORATED
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
ORGANIC MALAYSIA